



2024

7TH NPreUS

National Pre-University Seminar



14 OGOS 2024
BANGI RESORT HOTEL

"MELONJAKKAN ASPIRASI PENDIDIKAN
PRA-UNIVERSITI YANG MAMPAN"

ANJURAN



E-PROSIDING

e-ISBN: 978-967-2649-80-9

Isi Kandungan

Ucapan Aluan	3
Tentatif Program	5
Jadual Pembentangan Selari	7
Jawatankuasa Pelaksana	12
Kertas Kerja Penuh	14
Poster Seminar	202
Penaja Seminar	203



Dekan Pusat Matrikulasi

En Nor Effendy bin Ahmad Sokri

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Saya bersyukur kepada Allah SWT dan berterima kasih atas peluang ini untuk menyampaikan beberapa kata. National Pre-University Seminar diadakan setiap tahun, dan Alhamdulillah, tahun ini kita dapat berkumpul sekali lagi dalam 7th NPreUS 2024, yang bertemakan "Melonjakkan Aspirasi Pendidikan Pra-Universiti Yang Mampan".

Seminar ini menjadi platform penting bagi ahli akademik dari pelbagai disiplin untuk berkongsi penemuan ilmiah terkini. Saya yakin bahawa pengetahuan yang diperoleh akan memacu penambahbaikan dan mengukuhkan budaya penyelidikan sepanjang hayat.

Akhir kata, tahniah dan terima kasih kepada semua yang terlibat, termasuk institusi pengajian tinggi, pembentang, penyelidik, pelajar, guru, dan seluruh tenaga kerja 7th NPreUS 2024. Semoga usaha ini mendapat ganjaran terbaik dari-Nya, dan kita bertemu lagi tahun hadapan, Insya-Allah.

Terima kasih..



Pengarah Seminar

Pn. Nurul Nadirah binti Zakaria

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Syukur kepada Allah SWT atas kejayaan penerbitan buku program ini, hasil daripada National Pre-University Seminar (NPreUS) Kali Ke-7 2024 (7th NPreUS 2024) yang bertemakan "Melonjakkan Aspirasi Pendidikan Pra-Universiti Yang Mampan." Buku program ini menghimpunkan abstrak penyelidikan yang dibentangkan sepanjang seminar, yang buat pertama kalinya diadakan secara hibrid.

Kami mengalu-alukan kehadiran para tetamu, rakan kerjasama, penceramah utama, pembentang, dan peserta seminar, serta mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat, termasuk penaja yang telah menyumbang kepada kelancaran NPreUS kali ke-7 ini.

Akhir kata, diharapkan e-book ini memberi manfaat kepada komuniti akademik dan profesional serta mendorong kemajuan pendidikan pra-universiti di negara kita.

Salam hormat dan terima kasih.

>>>>>

Tentatif Program

TENTATIF PROGRAM
7th NATIONAL PRE-UNIVERSITY SEMINAR 2024 (7th NPreUS 2024)

Tarikh : 14 Ogos 2024 (Rabu) Tempat: Bangi Resort Hotel, Bangi	
Masa	Atur Cara
08.00 – 09.00 pagi	Pendaftaran Pembentang dan Peserta
09.00 – 10.00 pagi	Sesi 1: Pembentangan Selari 1 (dalam talian) Kehadiran Jemputan VIP
10.00 – 10.15 pagi	Ucapan Pengerusi Majlis Bacaan Doa Encik Mohammad Zariff Afiq bin Zuriman Ucapan Pengarah 7 th NPreUS 2024 Puan Nurul Nadirah binti Zakaria (Membentuk Minda Pelajar Melalui Aspirasi Pendidikan Pra-Universiti)
10.15 – 10.30 pagi	Ucapan Dekan Pusat Matrikulasi Encik Nor Effendy bin Ahmad Sokri (Pembinaan Jati Diri Siswa Melalui Pendidikan Pra-universiti)
10.30 – 11.15 pagi	Ucuptama: Dr. Mohd Faez bin Ilias (Cabaran Mengaspirasikan Pendidikan Pra-universiti Masa Kini) Universiti Islam Selangor (UIS)
11.15 – 11.30 pagi	Ucapan Perasmian 7 th NPreUS 2024 Oleh: YBhg Dato' Prof. Dr. Mohd Farid Ravi bin Abdullah Naib Canselor, Universiti Islam Selangor (UIS)
11.30 – 11.45 pagi	Penyampaian Cenderahati
11.45 – 12.00 tengah hari	Persembahan Montaj dan Sesi Fotografi / <i>screen capture</i>
12.00 – 2.30 petang	Makan tengahari, rehat dan solat zuhur
2.30 – 4.30 petang	Sesi 2: Pembentangan Selari 2 (bersemuka)
5.00 petang	Bersurai

>>>>>

Jadual Pembentang Selari

JADUAL PEMBENTANGAN ONLINE
7th NATIONAL PRE-UNIVERSITY SEMINAR 2024 (7th NPreUS 2024)

BILIK SELARI 1 (ONLINE)
TARIKH: 14 OGOS 2024
MASA: 9.00-10.00 PAGI
PLATFORM: MICROSOFT TEAMS

	TAJUK	PEMBENTANG	INSTITUSI
1	INTEGRASI ICT DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH AGAMA RINCHING HILIR BANGI	NORMAH BINTI HUSIN	UIS
2	THE PERCEPTION OF STUDENTS TOWARD LEARNING SPANISH LANGUAGE AMONG UNIVERSITY STUDENTS	HARYANTIE BINTI GOPOIT	UMS
3	MENINGKATKAN KOMPETENSI PELAJAR PENDIDIKAN PRA-UNIVERSITI DENGAN PROGRAM KEMASYARAKATAN	NORHAYATI BINTI AHMAD	UniSHAMS
4	ESCALATING STUDENTS' PERFORMANCE IN BIOLOGY SUBJECT THROUGH BIO-WONDERS FLIP	NURULHIDAYATI BINTI RUSLAI	UIAM

BILIK SELARI 2 (ONLINE)
TARIKH: 14 OGOS 2024
MASA: 9.00-10.00 PAGI
PLATFORM: MICROSOFT TEAMS

	TAJUK	PEMBENTANG	INSTITUSI
1	PENDIDIKAN STEM DAN TEKNOLOGI MULTIMEDIA: TINJAUAN AWAL	SITI ZAHARAH MOHID	UIS
2	PERSEPSI DAN MOTIVASI PELAJAR PRASISWAZAH TERHADAP PEMBELAJARAN DIGITAL BAHASA KADAZAN DUSUN	FLORINA JUMIL	UMS
3	MAD TA'ZIM: KAJIAN BERDASARKAN TURUQ RIWAYAT HAFS AN 'ASIM	MUHD THORIQ ASSHIDDIQ BIN CHE	UniSHAMS


BILIK SELARI 3 (ONLINE)
TARIKH: 14 OGOS 2024
MASA: 9.00-10.00 PAGI
PLATFORM: MICROSOFT TEAMS

	TAJUK	PEMBENTANG	INSTITUSI
1	ANALYSIS AND DETERMINATION OF FACTORS ASSOCIATED WITH STUDENT PERFORMANCE BASED ON COMPOSITE ASSESSMENT SCORES	SUHAILA BAHROM	UIAM
2	PEMERKASAAN PENDIDIK MELALUI IMPAK TRANSFORMASI KEPIMPINAN MEMACU MOTIVASI PENSYARAH DI KOLEJ KOMUNITI WILAYAH UTARA	YUSRI AZAL BIN MD YUSOF	KOLEJ KOMUNITI JERAI
	PERLINDUNGAN PENGGUNA E-PEMBAYARAN: TINJAUAN KEPERLUAN PENDIDIKAN AWAL KEPADA PELAJAR PRA-UNIVERSITI	NURUL ASIKIN BINTI ABDUL RAZAK	UIS
4	KAEDAH NYANYIAN ALTERNATIF MUDAH MENINGAT FORMULA TATABAHASA ARAB DI PPIB, UMS	NOR AIN BINTI MANAP	UMS



BILIK SELARI 4 (ONLINE)
TARIKH: 14 OGOS 2024
MASA: 9.00-10.00 PAGI
PLATFORM: MICROSOFT TEAMS

	TAJUK	PEMBENTANG	INSTITUSI
1	NOOR FADZILAH AB RAHMAN	A REVIEW ON ENHANCING ACADEMIC	UIS
2	GAMIFIKASI DALAM PENDIDIKAN Fiqh ISLAM: PENDEKATAN INOVATIF UNTUK MENINGKATKAN PENGLIBATAN PELAJAR	ANNASAI BIN JAMAR	UIS
3	STUDENTS' PERCEPTION OF THE MATH CLINIC IN THE STATISTICS SUBJECT AT CENTER FOR FOUNDATION STUDIES, IIUM	BALQIS BINTI HISHAM	UIAM



JADUAL PEMBENTANGAN BERSEMUKA
7th NATIONAL PRE-UNIVERSITY SEMINAR 2024 (7th NPreUS 2024)

BILIK SELARI 5
TARIKH: 14 OGOS 2024
MASA: 2.30-5.00 PETANG
TEMPAT: BILIK SEMINAR CEMPAKA 1

	TAJUK	PEMBENTANG	INSTITUSI
1	MOTIVASI PELAJAR TERHADAP KEINGINAN MELANJUTKAN PENGAJIAN DI PERINGKAT UNIVERSITI: KAJIAN LEPAS	NURUL NADIRAH BINTI ZAKARIA	UIS
2	KATA SERAPAN ARAB DALAM BAHASA MELAYU DAN IMPLIKASINYA	NOR EFFENDY BIN AHMAD SOKRI	UIS
3	PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DI UIS; KAJIAN PENGGUNAAN APLIKASI PENTERJEMAHAN UNTUK PEMBELAJARAN BAHASA ARAB DI KALANGAN PELAJAR PUSAT MATRIKULASI, UNIVERSITI ISLAM SELANGOR	MUHAMMAD SIRAJUDDIN BIN NIK AB HADI	UIS
4	FOSTERING STUDY SKILLS FOR THE 21ST CENTURY IN HIGHER EDUCATION	NUJAIDAH BINTI NUWARI	UIS
5	PANDANGAN PENSYARAH TERHADAP PENGGUNAAN APLIKASI VISUAL DALAM PEMBELAJARAN KONSEP DAN ASAS STATISTIK	NURKALIZA BINTI KHALID	UIS
6	ANALYZING THE IMPACT OF ARABIYATUNA BOARD GAMES IN ENHANCING ARABIC VOCABULARIES: A CASE STUDY	ABDUL HADI BIN ABDUL RAHIM	UIAM/UIS
7	PENERAPAN KERANGKA AL-MABĀDI' AL-'ĀSHARAH DALAM PEMBELAJARAN PELAJAR MATRIKULASI DI UNIVERSITI ISLAM SELANGOR	MUHAMMAD TAQUIDDIN BIN ABDUL RAHIM	UIS

BILIK SELARI 6
TARIKH: 14 OGOS 2024
MASA: 2.30-5.00 PETANG
TEMPAT: BILIK SEMINAR CEMPAKA 2

	TAJUK	PEMBENTANG	INSTITUSI
1	ILMU PENGAJIAN ISLAM: INTEGRASI ALIRAN KLASIK DAN MODEN DALAM PROSES PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN	HAZIRAH BINTI ZAINOL AZAM	UIS
2	PEMPENGARUH AGAMA MEDIA SOSIAL DALAM PANDANGAN MAHASISWA MATRIKULASI UIS: TINJAUAN DAN ANALISIS	MUHAMAD HILMEE BIN IZANEE	UIS
3	KECERDASAN BUATAN (AI) DAN MANUSIA DALAM PERSPEKTIF KOMUNIKASI	ZATI IWANI BINTI ISMAHADI	UIS
4	MEMAHAMI PENGALAMAN HIDUP WANITA OBESITI DAN STRATEGI DALAM MENGATASI STIGMA	ALYA BINTI AHMAD	UIS
5	PERSEPSI PELAJAR PRA-UNIVERSITI TERHADAP PEMBELAJARAN DALAM TALIAN	NURMAIZATUL HAZIRAH BINTI MUSTAFFA	UIS
6	INSTILLING STUDENTS' ENGAGEMENT IN IMPROVING A SUSTAINABLE PRE-UNIVERSITY EDUCATION IN MATRICULATION CENTRE OF ISLAMIC SELANGOR UNIVERSITY (MCISU)	NUR 'ATIQA H JAMILAH BINTI ABDULLAH	UIS
7	PENGARUH TEKNOLOGI MAKLUMAT TERHADAP PEMBELAJARAN PELAJAR PRA UNIVERSITI	NUR HASHIMA BINTI MOHAMED	UIS
8	IMPAK PENGGUNAAN APLIKASI TIKTOK TERHADAP GAYA HIDUP PELAJAR PUSAT MATRIKULASI, UIS	SAIDATUL KHATIJAH BINTI ISMAIL	UIS

BILIK SELARI 7
TARIKH: 14 OGOS 2024
MASA: 2.30-5.00 PETANG
TEMPAT: BILIK SEMINAR CEMPAKA 3

	TAJUK	PEMBENTANG	INSTITUSI
1	KECERDASAN BUATAN (AI) DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA INGGERIS	ZULIFAH RINI BINTI MOHD ZULKIFLI	UIS
2	MASYARAKAT BEBAS TUNAI (CASHLESS SOCIETY) DI KALANGAN PELAJAR TEKNOLOGI MAKLUMAT (IT) DI UNIVERSITI ISLAM SELANGOR (UIS)	MUHAMMAD FANSURI BIN MOHD ZAHARI	UIS
3	KESAN PEMBELAJARAN KOPERATIF TERHADAP KONSEP KENDIRI BAGI SUBJEK PRINSIP PERAKAUNAN DI PUSAT MATRIKULASI, UNIVERSITI ISLAM SELANGOR	NUR FADHLINA MOHAMAD ZABIDEY	UIS
4	ANALISIS SEMANTIK AT-TANKIR DALAM SURAH AL-HIJR	MOHAMMAD ZARIFF AFIQ BIN ZURIMAN	UIS
	ENHANCING PRE-UNIVERSITY CURRICULA: MEETING GLOBAL DEMANDS IN HIGHER EDUCATION AND CAREER READINESS	NIK ZURAIHAN BINTI NIK MAT KAMIL	UIS
6	PENGETAHUAN KOSA KATA BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR PUSAT MATRIKULASI UNIVERSITI ISLAM SELANGOR	NOOR HAZLEENA BINTI MOHD NOR HAZLEE	UIS
7	PENGETAHUAN KOSA KATA BAHASA ARAB DALAM KALANGAN PELAJAR PUSAT MATRIKULASI UNIVERSITI ISLAM SELANGOR	HAKIMI BIN ABD HALIM	UIS
8	LANGUAGE LEARNING STRATEGIES USED BY UIS MATRICULATION STUDENTS	MIMIE SYAWALISA BINTI SALEHUDIN	UIS

Jawatankuasa Pelaksana

AHLI JAWATANKUASA
7th NATIONAL PRE-UNIVERSITY SEMINAR 2024 (7th NPreUS 2024)

PENAUNG : YBhg. Dato' Prof. Dr. Mohd Farid Ravi bin Abdullah
PENASIHAT I : En. Nor Effendy bin Ahmad Sokri
PENASIHAT II : Pn. Nujaidah binti Nuwairi

PENGARAH : Pn. Nurul Nadirah binti Zakaria
TIMBALAN PENGARAH : Pn. Nur Fadhlina binti Mohamad Zabidey
SETIAUSAHA : Pn. Nur Hashima binti Mohamed
BENDAHARI : Pn. Nik Zuraihan binti Nik Mat Kamil

BIRO PROGRAM DAN PROTOKOL

Pn. Nurmaizatul Hazirah binti Mustaffa
Pn. Nur 'Atiqah Jamilah binti Abdullah
En. Hakimi bin Abd Halim

BIRO PENDAFTARAN DAN PENSIJILAN

En. Hafizi bin M. Napi
Saudara Muhamad Adnan Fazilah (FA03)

BIRO TEKNIKAL

En. Muhammad Fansuri bin Mohd Zahari
Pn. Saidatul Khatijah binti Ismail
Saudara Mohamad Amanshah Jaafar (FA03)

BIRO TEKNIKAL (HIBRID)

En. Bahtiar Mohd Nor (FSS)
En. Mohammad Radzi Zamin bin Musa (BTM)
En. Abdul Hadi bin Abdul Rahim (Wakil UIAM Gambang)
Pn. Irma Malini Binti Ishak (BPPF)

BIRO MAKANAN & LOGISTIK

Cik Siti Noraisah binti Abd Razak

BIRO MEDIA DAN PUBLISITI

En. Muhamad Hilmeel bin Izanee
Cik Mimie Syawalisa binti Salehudin

BIRO PENAJAAN

En. Muhammad Taqjudin bin Abdul Rahim
En. Muhammad Sirajuddin bin Nik Ab Hadi
En. Mohammad Zariff Afiq Zuriman

BIRO PROSIDING

Pn. Zati Iwani binti Ismahadi
Pn. Nurul Ashikin binti Abdul Razak
En. Shakir Zufairi Zamri

BIRO CENDERAHATI

Pn. Zulifah Rini binti Mohd Zulkifli
Pn. Noor Hazleena binti Mohd Nor Hazlee
Cik Hazirah binti Zainol Azam

>>>>

Kertas Kerja Penuh

INTEGRASI ICT DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN DALAM KALANGAN GURU SEKOLAH RENDAH AGAMA RINCHING HILIR BANGI

Normah binti Husin¹

¹ *Universiti Islam Selangor (UIS)*

normah@uis.edu.my

Abstrak: Kertas kajian ini mengkaji tentang integrasi ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi. Selain itu, ia menyelidik tentang persepsi guru terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dan penggunaan ICT yang sering mereka gunakan di sekolah. Bagi tujuan pengumpulan data, borang soal selidik secara dalam talian telah diedarkan kepada subjek kajian di mana persampelan diambil secara rawak bertujuan seterusnya ia dianalisis secara deskriptif. Sampel terdiri daripada 12 orang guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi yang mengajar sesi pagi dan sesi petang. Hasil kajian mendapati persepsi guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi terhadap integrasi ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dapat mempelbagaikan aktiviti dalam aspek pengajaran dan pembelajaran & menjadikannya lebih berkesan. Tidak dinafikan terdapat faktor-faktor yang menghalang penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru, antaranya adalah kekurangan peralatan ICT yang disediakan oleh pihak sekolah mendapat peratusan tertinggi diikuti oleh guru tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk penyediaan penggunaan ICT. Kesimpulannya, kajian mencadangkan beberapa cara untuk meningkatkan integrasi ICT dalam konteks pengajaran dan pembelajaran seperti sumber pembelajaran secara interaktif: guru dapat menggunakan sumber pembelajaran secara interaktif seperti aplikasi, permainan edukatif, dan platform belajar secara dalam talian. Ini membantu menarik minat pelajar dan membuatkan pembelajaran lebih menarik. Selain itu, media pembelajaran visual: ICT memungkinkan penggunaan media visual seperti video, animasi, dan gambar yang memperkaya pengajaran yang berkesan.

Kata Kunci: Integrasi ICT; Pengajaran & Pembelajaran; Persepsi Guru; Sumber Interaktif dan Komunikasi.

1. PENGENALAN

Integrasi ICT (*Information and Communication Technology*) dalam pengajaran dan pembelajaran dapat memberikan banyak manfaat bagi guru dan pelajar. Integrasi ICT bukan hanya sekadar penggunaan teknologi moden, tetapi bagaimana teknologi tersebut dapat diterapkan secara efektif untuk meningkatkan hasil pembelajaran bagi pelajar. Hal ini penting untuk memastikan bahawa penggunaan ICT dilakukan dengan cara yang relevan dan bermanfaat bagi semua pihak yang terlibat dalam proses pembelajaran & pengajaran. Kepsatan pembangunan di Malaysia dalam bidang ekonomi, sosial, politik dan pendidikan tidak dapat dinafikan. Impak globalisasi dan perkembangan teknologi maklumat menuntut agar beberapa perubahan dibuat dalam sistem pendidikan. Kualiti pendidikan negara akan bertambah baik jika teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) digunakan kerana ia boleh menambah minat dan motivasi untuk belajar, di samping mempercepatkan proses pembelajaran. Proses pengajaran dan pembelajaran dapat dipertingkatkan mutunya dan dipelbagaikan penyampaian dan penerimaannya melalui beberapa teknik dengan menggunakan komputer dan perisian, melalui sistem rangkaian (*networking*), atau melalui sistem internet, perisian dan pangkalan data. Penggunaan alat bantu mengajar ini dikatakan pemangkin proses pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif. Penggunaan teknologi media ini amat perlu dilakukan untuk menambahbaik pendekatan yang dilakukandalam sistem pendidikan agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar dan efisien.

2. SOROTAN KAJIAN

Dalam era globalisasi ini, peningkatan tingkat teknologi yang berlaku di persekitaran adalah semakin tinggi. Hal ini kerana dengan adanya kemudahan internet memudahkan para pelajar untuk berkomunikasi dengan dunia luar. Potensi ICT sebagai alat yang boleh membantu dalam pengajaran dan pembelajaran menjadi semakin penting dan meningkat secara mendadak dalam sistem pendidikan di negara kita. Hal ini dapat dibuktikan dengan para pelajar pada masa kini lebih berminat dalam menggunakan ICT dimana mereka memilih untuk melayari internet dan mengakses maklumat yang terdapat dilaman internet. Perkara ini di perhebatkan lagi dengan kewujudan media-media sosial yang terdapat di internet seperti Facebook, Myspace, Friendster dan sebagainya. Hal ini merupakan salah satu trend di mana sebahagian daripada pelajar pada masa sekarang mempunyai media sosial tersendiri (Liaw Huang & Chen 2007).

Secara umum, *e-learning* boleh ditakrifkan sebagai penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Kewujudan teknologi maklumat ini telah

memudahkan segala urusan tidak kira dalam apa jua bidang seperti bidang pentadbiran, pengurusan, penyiaran dan media, telekomunikasi, perhubungan malah bidang pendidikan turut tidak ketinggalan (Thulasimani Munohsamy, 2014). Dalam konteks pendidikan penggunaan teknologi media ini amat perlu dilakukan untuk menambahbaik pendekatan yang dilakukan dalam sistem pendidikan agar proses pengajaran dan pembelajaran dapat berjalan dengan lancar dan efisien. Penggunaan teknologi media dalam sistem pendidikan secara tidak langsung dapat mewujudkan hubungan dalam konteks pendidikan (Noradilah Binti Aziz & Lai Wei Sieng, 2019).

Di samping itu, Teknologi Multimedia turut menyediakan pelbagai peluang kepada para pendidik untuk mengaplikasikan pelbagai teknik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan keadaan semasa para murid pada zaman serba canggih kini. Sudah menjadi tanggungjawab seorang guru membantu muridnya menjadi pengguna yang kritis terhadap sumber media yang pelbagai seperti buku, majalah, filem, televisyen, permainan komputer dan juga internet. Di samping itu, Teknologi Multimedia turut menyediakan pelbagai peluang kepada para pendidik untuk mengaplikasikan pelbagai teknik pengajaran dan pembelajaran yang sesuai dengan keadaan semasa para murid pada zaman serba canggih kini. Sudah menjadi tanggungjawab seorang guru membantu muridnya menjadi pengguna yang kritis terhadap sumber media yang pelbagai seperti buku, majalah, filem, televisyen, permainan komputer dan juga internet. (Nur Azimah Mohd Bukhari & Wong Seng Yue, 2023).

Salah satu kelebihan teknologi yang paling ketara dalam pendidikan ialah ia menyediakan pelajar dengan lautan maklumat di hujung jari mereka. Mereka boleh mengakses maklumat dalam masa yang secepat mungkin. Jika anda seorang pelajar, maka berlalulah hari-hari anda perlu pergi ke perpustakaan dan mencari buku yang bertimbun-timbun untuk membuat tugas/projek/kerja rumah. (Pusat Jaminan Kualiti UPM, 2024).

Penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran amat penting kerana ia dapat meningkatkan kemahiran guru dan pelajar. Melalui penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar akan didedahkan dengan pelbagai alatan dan bahan mengenai ICT seperti komputer, LCD, CD, *pendrive*, *hardware*, *software*, internet dan sebagainya. Semua benda yang berkenaan dengan ICT mempunyai berbagai fungsi dan kegunaannya yang tersendiri dalam menjalani proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Hal ini kerana melalui penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran guru dan pelajar akan lebih menguasai teknologi-teknologi terkini yang dapat membantu dalam memahami setiap subjek yang dipelajari serta menyimpan, memproses dan merekod setiap maklumat yang diperolehi. Kemahiran dalam menggunakan ICT ini mampu memberi nilai tambah kepada guru agar dapat menggunakannya untuk menyampaikan ilmu kepada pelajar agar ianya mudah untuk di fahami. (*Wordpress*).

Walaubagaimanapun, para pendidik turut menghadapi masalah dalam mengintegrasikan teknologi dalam pengajaran & pembelajaran. Cabaran-cabaran ini merangkumi kurangnya latihan, kemahiran teknikal serta sikap guru sendiri terhadap penggunaan teknologi. (Geoffrey F. C. Lim, Norshamshizar Abdul Jalil: 2024).

3. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

1. Mengenalpasti persepsi guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi terhadap integrasi ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.
2. Mengenalpasti penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi.
3. Mengenalpasti penglibatan pelajar terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.
4. Mengenalpasti faktor-faktor yang menghalang penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi.

4. METODOLOGI KAJIAN

Kajian melibatkan guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi seramai 12 orang (atau 90%) daripada populasi sebenar. Sampel dipilih secara persampelan tujuan di mana semua mereka mempunyai maklumat dan berpengetahuan dalam menjawab soalan soal selidik yang dikemukakan. Manakala bilangan mengikut jantina adalah (66.7%) terdiri daripada guru perempuan manakala (33.3%) terdiri daripada guru lelaki. Sampel terdiri daripada (33.3%) guru yang mempunyai pengalaman mengajar lebih dari 21 tahun, diikuti dengan (16.7%) berpengalaman selama 5-10 tahun dan 11-15 tahun. Guru yang mempunyai pengalaman kurang dari 5 tahun dalam bidang pendidikan terdiri daripada (25%) dan selebihnya (8.3%) berpengalaman selama 16-20 tahun.

5. HASIL KAJIAN & PERBINCANGAN

Rajah 1

Persepsi Guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi Terhadap Integrasi ICT Dalam Pengajaran dan Pembelajaran.

No	Item	%
1	Meningkatkan prestasi pelajar	8.3
2	Mempelbagaikan aktiviti PDP & menjadikan PDP lebih berkesan	66.7
3	Memberi motivasi kepada pelajar	0
4	Menambah minta & tumpuan pelajar	25

Rajah 1 menunjukkan persepsi guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi terhadap integrasi ICT dalam pengajaran dan pembelajaran. 66.6% guru bersetuju integrasi ICT dapat mempelbagaikan aktiviti dalam aspek pengajaran dan pembelajaran & menjadikannya lebih berkesan. Penggunaan ICT juga menambah minta & tumpuan pelajar, ianya dibuktikan dengan 25% guru memberi pandangan yang sama. Manakala 8.3% guru memberi persepsi bahawasanya integrasi ICT dalam pengajaran dan pembelajaran boleh meningkatkan prestasi pelajar dengan kepelbagaian aktiviti yang dilaksanakan.

Perkembangan dan penggunaan teknologi ICT (Information and Communication Technology) atau disebut “Teknologi Komunikasi dan Maklumat”, khususnya dalam pendidikan, bukan lagi merupakan sesuatu yang asing di Malaysia. Perkembangan ICT menjanjikan potensi besar, terutama dalam pendidikan, iaitu dengan mengubah cara seseorang belajar, cara memperoleh maklumat, cara menyesuaikan setiap maklumat, dan sebagainya. Seajar dengan perkembangan ICT dalam dunia pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengambil beberapa langkah dalam mengintegrasikan penggunaan ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran di semua peringkat sekolah. Proses P&P yang berlaku merupakan elemen penting dalam meningkatkan pencapaian akademik pelajar. (Muna Hamzan, 2016).

Rajah 2

Penggunaan ICT Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi.

No	Item	%
1	Komputer riba	33.33
2	LCD projektor	33.33

3	Google Meet & Internet	16.66
4	Tayangan video & lagu	16.66

Rajah 2 menunjukkan penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi. Penggunaan komputer riba dan LCD projektor menunjukkan peratusan tertinggi iaitu sebanyak 33.33%. Penggunaan peralatan ini dianggap popular sama ada diperingkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Ketika dunia dilanda wabak Covid 19 sekitar 5 tahun yang lepas, penggunaan *google meet & internet* secara meluas merupakan medium yang digunakan sebagai pemudahcara dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penggunaan ICT ini masih mendapat tempat dalam kalangan guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi iaitu sebanyak 16.66%. Manakala 16.66% guru menggunakan tayangan video dan lagu sebagai alat bantu mengajar.

Secara umum, elearning boleh ditakrifkan sebagai penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) untuk meningkatkan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran. Perkembangan teknologi internet telah memberi manfaat dalam menghasilkan pengajaran dan pembelajaran yang lebih efektif. Penggunaan ICT lain seperti LCD projektor, powerpoint dan emel antara kategori peralatan ICT yang sering digunakan. (Johari Bin Hassan & Fazliana Rashida Binti Abdul Rahman).

Rajah 3

Penglibatan Pelajar Terhadap Penggunaan ICT Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran.

No	Item	%
1	Penglibatan pelajar secara optimum	0
2	Pelajar memberi respon yang positif	100
3	Pelajar tidak memberi respon yang positif	0
4	Pelajar kurang berminat	0

Rajah 3 menunjukkan penglibatan pelajar terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran. 100% pelajar memberi respon yang positif terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran. Tiada penglibatan pelajar secara optimum menunjukkan pelajar perlu didedahkan dengan pendedahan yang sewajarnya tentang penggunaan ICT ini. Rajah juga menunjukkan tiada pelajar memberi respon yang negatif atau menunjukkan rasa kurang minat terhadap penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.

Impak pendidikan berasaskan teknologi terhadap peningkatan prestasi pelajar adalah tertumpu kepada impak utama iaitu golongan remaja yang terdedah dengan teknologi maklumat pada usia muda kerana lebih terdorong untuk melibatkan diri dalam perkongsian maya khususnya melalui media sosial, diikuti aplikasi komputer khususnya internet. Pendekatan pengajaran menggunakan bahan pengajaran berasaskan web juga dapat mewujudkan persekitaran yang menggalakkan penyertaan maksimum pelajar sesama pelajar dan pelajar dengan guru. (Noradilah Binti Aziz & Lai Wei Sieng, 2019).

Rajah 4

Faktor-Faktor Yang Menghalang Penggunaan ICT Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran dalam kalangan guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi.

No	Item	%
1	Kekurangan peralatan ICT di sekolah	66.7
2	Guru tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menggunakan ICT	16.7
3	Guru kurang berkemahiran dalam penggunaan ICT	8.3
4	Guru tidak mendapat pendedahan yang secukupnya oleh pihak sekolah	8.3

Rajah 4 menunjukkan faktor-faktor yang menghalang penggunaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran dalam kalangan guru Sekolah Rendah Agama Rinching Hilir Bangi. Faktor utama yang menyumbang kepada penghalang penggunaan ICT adalah kekurangan peralatan ICT di sekolah iaitu sebanyak 66.7%. Keadaan peralatan ICT yang usang juga menjadi masalah kepada peningkatan kemahiran pelajar dalam bidang ICT. Hal ini berlaku kerana dengan ketiadaan modal dan tiada semak semula yang dilakukan oleh pihak sekolah yang menyebabkan beberapa sekolah tercicir daripada bekalan peralatan ICT yang baru. Keadaan ini menyebabkan minat pelajar terhadap penggunaan ICT semakin berkurang. Hal ini menunjukkan betapa pentingnya peralatan ICT tersebut seiring dengan peredaran masa.

Guru tidak mempunyai masa yang mencukupi untuk menggunakan ICT iaitu sebanyak 16.7%. Mengintegrasikan komputer dalam pengajaran memerlukan masa yang banyak bagi guru-guru dalam membuat persediaan. Persediaan tersebut diperlukan termasuk dari aspek menyediakan bahan mengajar serta untuk persediaan bahan pada komputer sebelum kelas dimulakan. Dengan bilangan waktu mengajar yang banyak adalah sukar bagi guru untuk membuat persediaan mengajar di sekolah dan juga menggunakan peralatan ICT sebagai bahan mengajar. Pada masa kini kesediaan para guru dalam melaksanakan tugas

sebagai seorang pembimbing adalah berat. Hal ini kerana para guru bukan hanya mengajar secara formal malah pakar dalam penggunaan ICT. Namun begitu dalam kesediaan para guru tersebut terdapat juga halangan dimana para guru ketinggalan daripada arus kemodenan dunia ICT pada masa sekarang.

Peratusan menunjukkan sebanyak 8.3% guru kurang berkemahiran dalam penggunaan ICT dan tidak mendapat pendedahan yang secukupnya oleh pihak sekolah.

Perkara ini adalah berbeza dengan apa yang berlaku di negara Barat di mana guru-guru dinegara tersebut terlatih dan cekap. Menurut Fisher (2003) di negara Barat peningkatan pengintegrasian ICT dalam bilik darjah amat memberangsangkan sejak tiga puluh tahun yang lalu. Perkara ini menunjukkan bahawa guru-guru yang ada di negara Barat adalah jauh lebih berkemahiran daripada negara kita.

6. KESIMPULAN

Penggunaan ICT dalam pembelajaran dan pengajaran dapat dilaksanakan dengan jayanya melalui sokongan dan usaha bersungguh-sungguh pelbagai pihak tanpa mengira batasan. Pemimpin sekolah dan guru merupakan nadi kepada pelaksanaan ICT di sekolah. Mereka adalah tunjang kepada kecemerlangan akademik para pelajar dan juga kejayaan penguasaan kemahiran ICT. Sokongan moral daripada ibu bapa dalam menjayakan pelaksanaan ICT ini juga penting untuk membakar semangat para pelajar agar sentiasa berusaha mencari ilmu. Di samping itu, kemudahan dan peralatan teknologi yang lengkap merupakan penyumbang utama kepada kejayaan pelaksanaan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran. Berikut beberapa cara integrasi ICT dapat meningkatkan pengalaman belajar dalam konteks pengajaran dan pembelajaran:

1. Sumber Pembelajaran Secara Interaktif: Guru dapat menggunakan sumber pembelajaran secara interaktif seperti aplikasi, permainan edukatif, dan platform belajar secara dalam talian.. Ini membantu menarik minat pelajar dan menjadikan pembelajaran lebih menarik.
2. Media Pembelajaran Visual: ICT memungkinkan penggunaan media visual seperti video, animasi, dan gambar yang memperkaya aspek pengajaran dan pembelajaran.
3. Komunikasi dan Kolaborasi: Teknologi menggabungkan komunikasi dan kolaborasi antara guru dan pelajar. Ini dapat dilaksanakan melalui platform pengajaran dan pembelajaran secara dalam talian dan aplikasi yang berbentuk video infografik. Cara ini dapat membantu guru dari aspek pengajaran dan pembelajaran yang lebih berkesan.

4. Penilaian Berasaskan Teknologi: ICT memungkinkan penilaian berasaskan teknologi seperti ujian secara dalam talian dan kuiz interaktif.

7. RUJUKAN

1. Fisher R. 'Unlocking Creativity' Teaching Thinking, Autumn 2003 pp46-50 (2003).
2. Geoffrey F. C. Lim, Norshamshizar Abdul Jalil, Dayang Suraya Awang Hidup, Marlissa Omar, Integration in Education: Challenges for Educators) International Journal of Modern Languages and Applied Linguisticse-ISSN: 2600-7266.
3. Johari Hassan & Fazliana Rashida Abdul Rahman, Penggunaan ICT Dalam Proses Pengajaran Dan Pembelajaran Di Kalangan Pendidik Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
4. Liaw, S.S., Huang, H.M. & Chen, G.D, Surveying instructor and learner attitudes toward e-learning. Journal of Computer and Education 49: 1066-1080 (2007).
5. Muna Hamzan, Penggunaan Teknologi Ict Dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama, Tesis Ijazah Sarjana, Fakulti Tamadun Islam Universiti Teknologi Malaysia (2016).
6. Noradilah Binti Aziz & Lai Wei Sieng, Impak Pendidikan Berasaskan Teknologi Terhadap Peningkatan Prestasi Pelajar di UKM, Jurnal Personalia Pelajar 22(1): 69-75(2019).
7. Nur Faizahon Saidin, Nur Azimah Mohd Bukhari&Wong Seng Yue, Penggunaan Teknologi Multimedia Terhadap Keberkesanan Pengajaran Dan Pembelajaran Dalam Sistem Pendidikan Di Malaysia, E-Journal Universiti Malaya, Isu Dalam Pendidikan, 46, 2023 (2023).
8. Peranan Teknologi Dalam Pendidikan, <https://ainiliyanamohdzailan.wordpress.com/about/peranan-teknologi-dalam-pendidikan/>
9. Thulasimani Munohsamy, Integrasi Teknologi Maklumat Dan Komunikasi Dalam Pendidikan, Institut Teknologi BruneiJournal IPA Bil.23, 2014 (2014).
10. Pusat Perkembangan Kurikulum, MySchool Net. Kuala Lumpur: Kementerian Pendidikan Malaysia. (2003).
11. 21 Kebaikan Teknologi Dalam Pendidikan Pusat Jaminan Kualiti UPM (2024).

PEMERKASAAN PENDIDIK MELALUI IMPAK TRANSFORMASI KEPIMPINAN MEMACU MOTIVASI PENSYARAH DI KOLEJ KOMUNITI WILAYAH UTARA

Mardhiah Binti Shaari¹

¹*Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'azdzam Shah
(UniSHAMS)*

mardhiah.shaari@unishams.edu.my

Yusri Azal Bin Md Yusof²

²*Kolej Komuniti Jerai
yusri@kkjerai.edu.my*

Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk mengukur tahap kepimpinan transformasi pengaruh kolej komuniti dalam mempengaruhi motivasi di kalangan pensyarah. Namun begitu, motivasi tidak dapat wujud dengan sendiri tanpa ada ransangan daripada luar. Tahap motivasi yang tinggi penting bertujuan meningkatkan mutu dan kualiti sumber tenaga mahir seiring dengan ledakan arus permodenan teknologi masa kini terutamanya mutu dan kualiti dalam mewujudkan pengubalan dasar pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET). Kajian ini menggunakan *Multifactor Leadership Questionnaire* (MLQ) bagi mengukur kepimpinan transformasi pengaruh dan *Herzberg Motivation Factor* motivasi pensyarah. Borang soal selidik diedar di kalangan 200 orang pensyarah kolej komuniti yang terletak di Wilayah Utara yang mengandungi tiga bahagian iaitu demografi, kepimpinan transformasi dan motivasi. Hasil kajian menunjukkan tahap kepimpinan transformasi pengaruh adalah tinggi, begitu juga motivasi berada pada tahap yang tinggi. Hal ini menunjukkan bahawa motivasi dapat ditingkatkan jika amalan kepimpinan transformasi pengaruh adalah tinggi.

Kata kunci Kolej Komuniti; TVET; Kepimpinan Transformasi; Motivasi; Pensyarah.

Abstract

This study aims to measure the level of transformational leadership of community college directors in influencing motivation among lecturers. However, motivation cannot exist on its own without external stimulation. A high level of motivation is important to improve the quality and quality of skilled manpower resources in line with the current explosion of technological modernization, especially the quality, and quality in establishing the policy of technical education and

vocational training (TVET). This study uses the Multifactor Leadership Questionnaire (MLQ) to measure the director's transformational leadership and the Herzberg Motivation Factor of the lecturer's motivation. A questionnaire was distributed among 200 community college lecturers located in the Northern Region which contained three sections: demographics, transformational leadership, and motivation. The results of the study show that the director's level of transformational leadership is high, as well as motivation is at a high level. This indicates that motivation can be increased if the director's transformational leadership practices are high.

Keywords Community College; TVET; Transformation Leadership; Motivation; Lecturer.

1. PENGENALAN

Pemeriksaan mutu dan kualiti sumber tenaga mahir seiring dengan ledakan arus permodenan teknologi masa kini menjadi perintis usaha Malaysia untuk mencapai status negara maju dengan memberi penekanan terhadap kemahiran dan teknikal iaitu mewujudkan pengubalan dasar pendidikan teknikal dan latihan vokasional (TVET). Dasar TVET tidak hanya ditumpukan penawarannya pada peringkat sekolah menengah sahaja malah meliputi pendidikan tinggi kerana mementingkan kemahiran, pengetahuan serta membuka peluang pekerjaan yang luas terutamanya kepada golongan muda. Seiring dengan penumpuan bidang TVET, institusi pendidikan seperti sekolah, kolej, universiti memainkan peranan penting sebagai institusi yang menyediakan pendidikan dan pembelajaran.

Kolej Komuniti turut sama juga terlibat menyediakan pembelajaran berasaskan kemahiran dan latihan bagi semua peringkat lepasan menengah dan ditubuhkan bagi membangunkan komuniti setempat terutamanya golongan muda sebagai tenaga kerja berpengetahuan dan terlatih untuk memenuhi tuntutan dunia pekerjaan semasa melalui TVET dan pembelajaran sepanjang hayat (PSH), (Jabatan Pendidikan Kolej Komuniti, 2022). Tambahan lagi, pelaksanaan pembangunan modal insan melalui PSH diperkasakan lagi melalui Rancangan Malaysia ke-10 (RMK -10) dan melibatkan kolej komuniti. Latihan yang disediakan di Kolej Komuniti yang memberikan kemahiran untuk pekerjaan yang khusus adalah menerusi pendidikan adalah bercorak teknikal dan vokasional. Hasil sambutan yang menggalakkan

serta perkembangan pendidikan yang pesat menunjukkan pertumbuhan kolej komuniti sebanyak 90% pada tahun 2022 (Statistik Pendidikan Tinggi, 2022) menunjukkan bahawa masyarakat sangat memerlukan corak pendidikan yang baharu bagi melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi. Justeru itu, melahirkan dan meningkatkan keupayaan modal insan negara, keberkesanan pengurusan dan kualiti pendidikan yang disediakan di kolej komuniti perlu dititikberatkan.

Motivasi adalah satu aspek yang penting dalam membantu pensyarah meningkatkan kualiti dalam pengajaran dan pembelajaran. Namun motivasi tidak dapat wujud dengan sendiri tanpa ada ransangan luaran seperti Kepimpinan transformasi yang positif. Hal ini dapat memberi kesan terhadap prestasi pekerja dan mewujudkan persekitaran yang positif serta mewujudkan suasana pekerjaan yang lebih bermotivasi tinggi dalam melaksanakan tugas mereka (Minya Li, Feng Yang dan M. Akhtar, 2022). Menurut Saifaldin dan Amel Farage (2022), amalan kepimpinan transformasi mempunyai hubungan positif dan sederhana dengan kepuasan kerja serta mempengaruhi tahap kepuasan kerja. Justeru itu, peranan pemimpin perlu dipandang dititikberat untuk mewujudkan suasana pekerjaan yang bermotivasi dan produktif. Hal ini kerana proses kepimpinan berperanan secara aktif kepada pekerja (M. Velez, P. Neves, 2022) dan setiap pemimpin perlu mempunyai visi dan matlamat pendidikan yang jelas supaya dapat membangkitkan kesedaran, motivasi dan efikasi sendiri pensyarah sekaligus mendorong pekerja untuk menerima bersama-sama visi dan matlamat. Walaupun kedua-dua faktor ini sangat penting dalam meningkatkan motivasi para pendidik, namun kajian berkaitan hubungan antara kepimpinan transformasi dan motivasi masih kurang dijalankan terutamanya di kolej komuniti.

Pemilihan dan pengambilan Pegawai Pengajian Pendidikan Tinggi (PPPT) iaitu pensyarah kolej komuniti adalah berpandukan kepada bidang yang ditawarkan dan lantikan pensyarah adalah lebih tertumpu kepada calon yang mempunyai pengalaman dalam industri (Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran, 2022). Selain itu, kriteria kemasukan pelajar yang menfokuskan kepada pelajar yang tercicir daripada pendidikan formal atau ciri pelajar yang lulus/gagal ke kolej komuniti juga memberi jurang kepada pendekatan pembelajaran dan pengajaran pensyarah di mana pensyarah perlu mencari alternatif dalam mempelbagaikan pengajaran yang kreatif

dan inovatif bersesuaian dengan tahap pemikiran pelajar. Hal ini turut menjejaskan motivasi mereka kerana kebanyakan pensyarah kurang berpengalaman dan berkemahiran di dalam pengajaran mempunyai kelebihan dari segi bidang pengetahuan dan kemahiran yang mereka ceburi. Tetapi terdapat kekurangan dari segi aspek latihan ikhtisas dan pedagogi. Bebanan tugas sampingan selain tugas hakiki antara faktor yang turut menjejaskan motivasi pensyarah. Skop tugas pensyarah bukan sahaja mengajar malah setiap pensyarah perlu juga melaksanakan tugas-tugas dibahagian pentadbiran. Di samping perlu bergiat aktif bersama komuniti setempat melalui program pembelajaran sepanjang hayat (PSH) atau dikenali sebagai kursus jangka pendek.

Kepimpinan transformasi telah menjadi fokus kepada pengkaji dalam bidang pengurusan pendidikan kerana ia merupakan salah satu daripada indikator berpengaruh terhadap tingkahlaku pekerja. Kepimpinan transformasi dilihat sebagai kepimpinan yang dapat meningkatkan tahap pencapaian, pembangunan sendiri dan motivasi pekerja. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menerokai aspek kepimpinan transformasi pensyarah dalam meningkatkan motivasi pensyarah. Justeru, kajian ini adalah untuk mengenalpasi kategori-kategori variabel berdasarkan objektif yang telah dibina oleh penyelidik.

2. METODOLOGI

Populasi Kajian

Populasi bagi kajian ini ialah kolej komuniti dari dua buah negeri iaitu Kedah dan Pulau Pinang. Maklumat berkaitan jumlah kolej komuniti di dua buah negeri tersebut diperolehi daripada laman sesawang Kementerian Pengajian Tinggi (2022). Sebanyak 14 buah kolej komuniti terlibat sebagai populasi kajian. Jumlah keseluruhan kolej komuniti di dua buah negeri adalah seperti yang ditunjukkan pada Jadual 1.

Jadual 1

Jumlah Kolej Komuniti di Kedah dan Pulau Pinang

Negeri	Bilangan Kolej Komuniti
Kedah	8
Pulau Pinang	6
Jumlah	14

Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi, 2022

Pensampelan Kajian

Unit analisis dalam kajian ini adalah pensyarah kolej komuniti. Penyelidik telah memilih kesemua kolej komuniti di pulau pinang manakala Kolej Komuniti di kedah tidak termasuk Kolej Komuniti Langkawi dalam sampel kajian disebabkan faktor geografi. Bilangan sampel ini akan ditentukan mengikut pengiraan bilangan sampel oleh Krejcie & Morgan (1970). Kaedah persampelan mudah digunakan untuk memilih sampel. Teknik persampelan dipilih untuk memastikan sampel benar-benar mewakili populasi. Kerangka persampelan bagi kajian ini ialah 200 orang pensyarah kolej komuniti supaya dapat digeneralisasikan ke seluruh Malaysia. Maklumat lanjut dapat dilihat seperti dalam Jadual 2.

Jadual 2

Jumlah Bilangan Pensyarah dan Kolej Komuniti di Kedah dan Pulau Pinang

Negeri	Bilangan Kolej Komuniti	Jumlah Pensyarah
Kedah	8	246
Pulau Pinang	6	163
Jumlah	14	409

Sumber: Kementerian Pengajian Tinggi, 2022

Instrumen Kajian

Kaedah pengumpulan data yang digunakan adalah borang soal selidik. Instrumen kajian yang berbentuk borang soal selidik terbahagi kepada tiga bahagian iaitu bahagian A, B dan C. Bahagian A mengandungi item-item yang bertujuan untuk memperoleh data berkaitan dengan latar belakang responden. Bahagian B mengandungi 38 item yang berkaitan dengan gaya kepimpinan transformasi pengarah yang digunakan dalam penyelidikan oleh Al-Amin Mydin (2012). Dimensi motivasi berinspirasi dan dimensi memupuk pengaruh ideal/karismatik mempunyai 10 item setiap satu manakala membina ransangan intelek dan pertimbangan berasaskan individu mempunyai 9 item setiap satu. Manakala Bahagian C digunakan untuk mengukur variabel motivasi pensyarah dengan menggunakan instrumen yang dibangunkan oleh Pizam and Ellis (1999) di

dalam kajiannya 'An Empirical Test Of Theory Herzberg Two Factor Theory'.

Kajian Rintis

Kajian rintis telah dijalankan untuk menguji kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian yang didapati berada pada tahap yang baik untuk digunakan dalam kajian sebenar (Sutha Sundram, N. Romli, 2023). Kajian rintis ini melibatkan 30 orang responden dan hasil kajian menunjukkan kesemua nilai pekali kebolehpercayaan bagi keseluruhan instrument adalah tinggi. Responden kajian rintis mempunyai ciri-ciri yang setara dengan responden kajian sebenar. Selepas kajian rintis, alat kajian dimurnikan mengikut matlamat yang dikumpulkan melalui kajian rintis. Kesemua item dalam soal selidik menggunakan Bahasa Melayu.

3. DAPATAN KAJIAN

Pengaruh Kepimpinan Transformasi terhadap Motivasi Pensyarah

Berikut adalah analisis regrasi bagi mengenal pasti pengaruh kepimpinan transformasi terhadap motivasi pensyarah. Jadual 3 menunjukkan kepimpinan transformasi telah menyumbang sebanyak 44 peratus perubahan varians dalam motivasi ekstrinsik. Keputusan regresi berganda mendapati keseluruhan kepimpinan transformasi mempunyai kesan signifikan terhadap motivasi ekstrinsik ($\beta=.66$, $p<.05$). Oleh itu $H_03(a)$ adalah ditolak.

Jadual 3

Kepimpinan Transformasi terhadap Motivasi Ekstrinsik

Peramal	Motivasi Ekstrinsik (β)
Kepimpinan Transformasi	.66*
R	.66
R ²	.44
R ² Terlaras	.43
Nilai F	79.71

Nota: β = Standardized Beta,

*signifikan pada aras $p<.05$

Jadual 4

Dimensi Kepimpinan Transformasi terhadap Motivasi Extrinsik

Kepimpinan Transformasi	Motivasi Extrinsik (β)
Peramal	
Motivasi Berinspirasi	.44
Memupuk Pengaruh yang Ideal/Karismatik	.19
Membina Ransangan Intelekt	.08
Pertimbangan Berasaskan Individu	-.031
R	.66
R ²	.44
R ² Terlaras	.42
Nilai F	19.55

Nota: β = Standardized Beta,

**signifikan pada aras $p < .05$*

Dapatan kajian daripada Jadual 4 menunjukkan bahawa dimensi kepimpinan transformasi telah menyumbang sebanyak 44 peratus perubahan varians dalam motivasi extrinsik. Namun begitu, analisis regresi berganda ini menunjukkan tidak terdapat peramal yang signifikan dimensi kepimpinan transformasi terhadap motivasi extrinsik.

Seterusnya, bagi mengenal pasti pengaruh kepimpinan transformasi terhadap motivasi intrinsik, analisis regresi lanjut dilakukan seperti dalam Jadual 5 berikut:

Jadual 5

Kepimpinan Transformasi terhadap Motivasi Intrinsik

Peramal	Motivasi Intrinsik (β)
Kepimpinan Transformasi	.60*
R	.60
R ²	.35
R ² Terlaras	.35
Nilai F	54.91

Nota: β = Standardized Beta,

**signifikan pada aras $p < .05$*

Jadual 5 menunjukkan kepimpinan transformasi telah menyumbang sebanyak 35 peratus perubahan varians dalam motivasi intrinsik. Keputusan regresi berganda mendapati keseluruhan kepimpinan transformasi mempunyai kesan signifikan terhadap motivasi intrinsik ($\beta=.60$, $p<.05$). Oleh itu $H_03(b)$ adalah ditolak.

Jadual 6

Dimensi Kepimpinan Transformasi terhadap Motivasi Intrinsik

Kepimpinan Transformasi	Motivasi Intrinsik (β)
Peramal	
Motivasi Berinspirasi	.50*
Memupuk Pengaruh yang Ideal/Karismatik	-.00
Membina Ransangan Intelek	.16
Pertimbangan Berasaskan Individu	-.04
R	.60
R ²	.36
R ² Terlaras	.33
Nilai F	13.80

Nota: β = Standardized Beta,

*signifikan pada aras $p<.05$

Dapatan kajian daripada Jadual 6 menunjukkan bahawa dimensi kepimpinan transformasi telah menyumbang sebanyak 36 peratus perubahan varians dalam motivasi intrinsik. Dapatan analisis regresi berganda ini menunjukkan bahawa hanya satu dimensi kepimpinan transformasi sahaja iaitu motivasi berinspirasi ($\beta=.50$, $p<.05$) di kenal pasti sebagai peramal yang signifikan bagi motivasi intrinsik. Dalam kajian ini, menjelaskan bahawa motivasi berinspirasi mempunyai kesan positif terhadap motivasi intrinsik.

4. PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN

Dapatan analisis regresi liner berganda menunjukkan kepimpinan transformasi mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap motivasi ekstrinsik dan intrinsik. Keadaan ini menunjukkan bahawa apabila kepimpinan transformasi pengarah ditingkatkan, ia akan turut meningkatkan motivasi ekstrinsik dan intrinsik pensusar. Hal ini

menunjukkan pemimpin dalam sesuatu organisasi perlu memainkan peranan dalam memotivasikan pengikut dan pekerjanya. Pengarah perlu mempunyai watak pemimpin yang berupaya menjadi model dalam menentukan kestabilan dan mencapai matlamat serta bertanggungjawab dalam meningkatkan motivasi pensyarah. Menurut Daniel et, al., (2022), pembangunan kepimpinan ialah proses pembelajaran berterusan yang melibatkan pembentukan diri sebagai pemimpin vokasional, membangunkan keyakinan dalam kemahiran kepimpinan, dan memimpin dengan kejelasan misi dan keprihatinan yang tulus terhadap orang bawahan. Dapatan kajian oleh Aldian et, al., (2023) membuktikan bahawa gaya kepimpinan transformasi mempunyai kesan positif dan signifikan terhadap motivasi pekerja.

Selanjutnya, hasil kajian menunjukkan motivasi berinspirasi mempunyai hubungan yang kuat dengan motivasi ekstrinsik dan diikuti dengan memupuk pengaruh yang ideal/karismatik. Keadaan ini menunjukkan bahawa motivasi berinspirasi merupakan pemimpin yang mampu menjana keyakinan dan semangat yang tinggi untuk orang bawahannya bagi melaksanakan piawaian kerja dan menggalakkan orang bawahannya mencapai standard tersebut memberi kesan terhadap motivasi ekstrinsik pensyarah. Ini juga menunjukkan bahawa hubungan antara kepimpinan transformasi pengarah menjadi pemimpin yang berkaliber dapat memberi kesan yang positif terhadap motivasi, kepuasan kerja serta keberkesanan kerja pensyarah. Ini sudah pasti dapat mewujudkan prestasi yang baik semangat dan kepuasan kerja yang tinggi dalam kalangan pensyarah.

5. CADANGAN

In Table 3, the mean scores for items under construct *Learning Environment* were obtained. The mean scores were from 4.11 to 4.78. Item 6 with mean score 4.78 was “Math Clinic session encourage students to engage with the topic being discussed” demonstrating the learning environment during Math Clinic improved students’ engagement with the topic discussed. The standard deviations were from 0.498 to 0.961, which was low, and the students’ responses were similar to each other. The learning environment adapted in the enhancement program such as mathematics engagement clinic have impact on the students’ critical thinking, problem-solving skills and hence their mathematics achievement, based on Marquez (2022).

Table 3. Descriptive Statistics for items in Learning Environment

Learning Environment	N	Mean	Std. Deviation
Item 1	79	4.68	0.567
Item 2	79	4.37	0.835
Item 3	79	4.11	0.961
Item 4	79	4.71	0.535
Item 5	79	4.67	0.593

Item 6	79	4.78	0.498
--------	----	------	-------

The mean scores for items under construct Statistical Understanding were obtained in Table 4. It ranged from 4.35 to 4.72. The highest score was from Item 5, “When I have difficulties in mathematics, I know I can handle them.” Here also the standard deviations were low, and the data were tightly clustered to each other. From past literature Bond et al. (2012), it was found that beliefs and attitudes towards Statistics work together towards the students’ statistical understanding and knowledge. Hence, this will increase their performance in the subject.

Table 4. Descriptive Statistics for items in Statistical Understanding

Statistical Understanding	N	Mean	Std. Deviation
Item 1	79	4.59	0.670
Item 2	79	4.68	0.631
Item 3	79	4.35	0.817
Item 4	79	4.46	0.712
Item 5	79	4.72	0.639
Item 6	79	4.65	0.641

3.2 Correlation Analysis

In our study, correlation analyses were run for the null hypotheses of:

H₀: There is no correlation between the quality of tutoring and statistical understanding obtained from the Math Clinic.

H₀: There is no correlation between learning environment and statistical understanding obtained from the Math Clinic.

Table 5 represents the Spearman’s Rho correlation coefficients which indicated that the constructs were significantly correlated with statistical understanding at 0.01 significance level since the p-values obtained for both tests were $p < 0.001$. It was found that the correlation coefficients were $r = 0.641$ and $r = 0.607$ for quality of tutoring and learning environment respectively, with the students’ statistical understanding.

TABLE 5. Spearman’s Rho Correlation Coefficients

Spearman's rho	Statistical Understanding	Constructs	
		Quality of Tutoring	Learning Environment
		0.641**	0.607**

**Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed)

Based on Table 6 from Dancey and Reidy (2014), the obtained coefficients in Table 5 showed that there was strong and positive relationship between quality of tutoring and the students' statistical understanding. Same goes to the relationship between the learning environment and the students' statistical understanding that showed strong relationship. This is in line with the idea that an extensive variety of elements of the learning environment are always connected to the students' academic progress (Lizzio et al., 2002). Definitely, the students' statistical understanding was not determined only by their intelligence. With reference to Hendy et al., (2014), among college students, there were significant associations and positive relationships between math beliefs and their math behaviors which lastly resulted in their math understanding and achievement.

Table 6. Interpretation of the level of relationship (Spearman's ρ)

Mean score	Interpretation
≥ 0.70	Very strong relationship
0.40-0.69	Strong relationship
0.30-0.39	Moderate relationship
0.20-0.29	Weak relationship
0.01-0.19	No or negligible relationship

4. CONCLUSIONS

As a conclusion, students demonstrated positive perception towards Math Clinic in terms of the quality of tutoring, learning environment and statistical understanding. Furthermore, the findings suggest that there is a significant correlation between students' understanding in statistical concepts with the caliber of tutoring they received, as well as the learning environment during Math Clinic. Therefore, this leads to the conclusion that the students' competency in Statistics can be greatly increase through a series of Math Clinic, with emphasis on the quality of the tutoring as well as maintaining a favourable learning environment throughout the session. These elements should be taken into consideration as it can boost the students' competence and comprehension in Statistics.

5. ACKNOWLEDGEMENT

We would like to express our gratitude to Mathematics Department, Centre for Foundation Studies, IIUM for providing the opportunity for us to involve in this research. Special thanks to students attending Math Clinic, who personally contributed to this research.

REFERENCES

1. Ado, T. (2015). Influence of Learning Environment on Students' Academic Achievement in Mathematics : A Case Study of Some Selected Secondary Schools in Yobe State – Nigeria. *Journal of Education and Practice*, 6(34).
2. Asmat, A., Samsudin, S. S., & Syed Wahid, S. N. (2020). LEARNING STATISTICS COURSE USING COMPUTER AIDED SOFTWARE: A CASE STUDY AMONG FURNITURE TECHNOLOGY STUDENTS. *International Journal of Modern Trends in Social Sciences*, 3(11).<https://doi.org/10.35631/ijmtss.311008>
3. Bond, M. E., Perkins, S. N., & Ramirez, C. (2012). STUDENTS' PERCEPTIONS OF STATISTICS: AN EXPLORATION OF ATTITUDES, CONCEPTUALIZATIONS, AND CONTENT KNOWLEDGE OF STATISTICS. *Statistics Education Research Journal*, 11(2), 6-25.
4. Cortina, J. M. (1993). What Is Coefficient Alpha? An Examination of Theory and Applications. *Journal of Applied Psychology*, 78(1).
<https://doi.org/10.1037/0021-9010.78.1.98>
5. Dancey, C. P., & Reidy, John. (2014). Statistics Without Maths for Psychology: Using Spss for Windows. In *Prentice Hall (UK)*.
6. Evans, B. (2007). Student Attitudes, Conceptions, and Achievement in Introductory Undergraduate College Statistics . *The Mathematics Educator*, 17(2).
7. Hendy, H. M., Schorschinsky, N., & Wade, B. (2014). Measurement of math beliefs and their associations with math behaviors in college students. *Psychological Assessment*, 26(4).
<https://doi.org/10.1037/a0037688>
8. Huang, P. C. (2010). Making English remedial remedial instruction work for low-achieving students. *An empirical study Retrieved from. www.lhu.edu.tw/m/oa/synthetic/publish/2*, 9(12), 2.
9. Kamaruddin, H. H., Nawawi, N. M., Khalid, R. Md., Shamsudin, N. H., Hassan, K. B., & Sout, N. M. (2022). Impacts Of Online Mathematics Clinic Programme In Improving Pre-University Students' academic Performance. *Proceedings of the International Conference on Sustainable Practices, Development and Urbanisation (IConsPADU 2021)*, 16 November 2021, Universiti Selangor (UNISEL), Malaysia, 3.
<https://doi.org/10.15405/epms.2022.10.72>
10. Kasim, Z., & Muhamad Sukri, N. L. (2022). Measuring Students' Perception on Mathematics Learning Using Fuzzy Conjoint Analysis. *Journal of Computing Research and Innovation*, 7(1).
<https://doi.org/10.24191/jcrinn.v7i1.270>

11. Lizzio, A., Wilson, K., & Simons, R. (2002). University students' perceptions of the learning environment and academic outcomes: Implications for theory and practice. *Studies in Higher Education*, 27(1). <https://doi.org/10.1080/03075070120099359>
12. Marquez, R. A. S. (2022). Mathematics Engagement Clinic Grounded on Brain Dominance: Its Effect on Critical and Problem-Solving Skills, and Mathematics Achievement. *AJARCDE (Asian Journal of Applied Research for Community Development and Empowerment)*, 7(1). <https://doi.org/10.29165/ajarcde.v7i1.136>
13. Mat Zin, S. H. H., Md Nor, R. C., & Zakaria, S. H. (2023). Assessing students' attitudes and perception towards statistics subject. *International Journal of Service Management and Sustainability*, 8(2), 17-42.
14. Saidi, S. S., & Siew, N. M. (2018). Assessing Students' Understanding of the Measures of Central Tendency and Attitude towards Statistics in Rural Secondary Schools. *International Electronic Journal of Mathematics Education*, 14(1). <https://doi.org/10.12973/iejme/3968>
15. Santiago-Carrillo, M. C., Vergel-Ortega, M., & Parra-López, H. M. (2019). Impacts of the mathematical clinic in the academic performance of the students. *Journal of Physics: Conference Series*, 1408(1). <https://doi.org/10.1088/1742-6596/1408/1/012016>
16. Selvarajan, P., & Thiyagarajah Vasanthagumar, ; (2022). THE IMPACT OF REMEDIAL TEACHING ON IMPROVING THE COMPETENCIES OF LOW ACHIEVERS. *INTERNATIONAL JOURNAL OF SOCIAL SCIENCE & INTERDISCIPLINARY RESEARCH*. ISSN: 2277-3630 Impact Factor: 7.429, 11(01).

KAEDAH NYANYIAN ALTERNATIF MUDAH MENGINGAT FORMULA TATABAHASA ARAB DI PPIB, UMS

Nor Ain binti Manap¹, Dr. Noorafini Kassim², Siti Nurul Aisyah binti Abd
Hamid³, Dr. Rosmah Derak⁴

Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa, UMS, Sabah

*Emel pengarang: ain@ums.edu.my

Abstrak

Beberapa kajian serta aplikasi pembelajaran bahasa meletakkan bahasa Arab antara lima bahasa yang paling sukar dipelajari di seluruh dunia. Bagi masyarakat Malaysia yang beragama Islam, mereka telah memperdengarkan sebutan bahasa Arab bermula apabila bayi baru lahir ke dunia dengan laungan lembut azan ataupun iqamat. Namun, setelah anak-anak ini membesar dan dewasa masih belum boleh bertutur bahasa Arab walaupun kesemua sekolah kebangsaan dibawah kelolaan Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memasukkan silibers bahasa Arab bermula semenjak Tahun 1. Sebahagian tabika/tadika dan prasekolah juga mengajarkan subjek ini. Menyedari hakikat ini, pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran diterapkan kepada pelajar Tahap Asas di PPIB, UMS yang berbeza latar belakang agar mereka mudah mempelajari bahasa Arab dan akhir sekali akan membantu mereka menulis dan bertutur dalam bahasa Arab dengan baik. Kajian ini merupakan pengenalan awal kepada kaedah nyanyian alternatif mudah mengingat formula Tatabahasa Arab Di PPIB, UMS. Ia bertujuan untuk mengenalpasti adakah kaedah nyanyian yang diaplikasikan khas untuk pembelajaran Tatabahasa Arab memberi kesan atau tidak kepada pelajar. Kajian ini adalah kajian *mix method* iaitu kuantitatif melalui pengedaran soal selidik dalam kalangan pelajar bahasa Arab dan kualitatif dengan pemerhatian dan temubual. Hasil kajian mendapati, kaedah nyanyian membantu pelajar dalam mengingat formula Tatabahasa Arab dengan mudah. Dapatan ini secara langsung memperlihatkan terdapat kesan yang positif dalam pengaplikasian kaedah nyanyian dan juga peningkatan markah pelajar.

Kata kunci: Kaedah nyanyian; Tatabahasa Arab; Bertutur

1. PENGENALAN

Pelbagai pendekatan perlu disediakan oleh tenaga pengajar untuk menarik minat pelajar dalam mempelajari bahasa Arab, terutamanya kepada pelajar yang tidak mempunyai asas langsung (*non-basic*) atau mempunyai asas yang sedikit dalam pembelajaran bahasa Arab. Sebahagian pelajar yang mengambil kursus bahasa Arab di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah (UMS) adalah mereka yang mempunyai latar belakang yang berbeza sama ada dari sudut geografi, bahasa ibunda dan pertuturan keluarga, agama, suku kaum dan pandangan.

Bahasa Arab seringkali dikaitkan dengan kepelbagaian karakter, simbol, ciri-ciri serta tatabahasanya yang sentiasa berubah-ubah. Gaya penulisan tulisan Arab mesti ditulis dari kanan ke kiri berbeza dengan bahasa lain. Ia juga menjadi antara bahasa yang agak susah untuk dipelajari (*hardest language*), kaya dengan kosa katanya dan mempunyai dialek yang berbeza serta mempengaruhi pelbagai bahasa lain di dunia. (<https://leapscholar.com/blog/mostdifficultandhardestlanguageintheworld/#:~:text=The%20top%20hardest%20languages,and%20significant%20differences%20from%20English>).

Menurut Hamidin et al. (2019), pelajar yang tidak mempunyai asas atau mempunyai asas yang sedikit mempunyai pendapat dan pandangan negatif terhadap bahasa Arab. Selain itu, mereka juga merasa ianya adalah bahasa yang susah untuk dikuasai, terutamanya dari sudut sebutan dan nahunya. Kaedah pdp bahasa Arab kepada pelajar *non-basic* sentiasa memerlukan penambahbaikan dari masa ke semasa dengan menggabungkan penggunaan teknologi bagi abad ke-21 (Al-Jallad, 2018; Hashim et al., 2018).

Semua tenaga pengajar juga perlu menerima bahawa kelas abad ke-21 mesti menyediakan bahan pdp yang menggunakan teknologi serta alternatif terkini yang boleh membantu agar pdp bahasa menjadi lebih bermakna (Padmavathi, 2016). Antara alternatif kaedah pengajaran dan pembelajaran yang berkesan untuk diaplikasikan dalam proses pembelajaran tatabahasa bagi merangsang motivasi pelajar ialah kaedah nyanyian. Baru-baru ini juga turut viral kaedah pengajaran melalui lagu yang dikongsikan di laman media sosial Tiktok dan Facebook *reels* (<https://vt.tiktok.com/ZSYwxynP1/>), seorang guru yang berasal dari negara China mengajar bahasa Inggeris menggunakan lagu sebagai kaedah pdp dan menarik minat pelajar untuk belajar.

Proses pembelajaran dan pengajaran bahasa di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah (UMS), juga tidak terkecuali agar seiring dengan perubahan masa mengikut keadaan dalam mendepani revolusi 4.0. Kaedah awal dalam pdp bahasa Arab yang diperkenalkan di Malaysia termasuklah di PPIB, UMS, majoritinya adalah berpusatkan guru, kemudian berpindah kepada berpusatkan pelajar, berkembang kepada kaedah interaktif serta atas talian ketika pandemik melanda dunia.

Walau bagaimanapun, pdp Tatabahasa Arab masih dianggap agak rumit, mengelirukan serta sukar untuk difahami sama ada secara teori atau praktikal. Ia bukan sahaja keluhan daripada pelajar yang langsung tidak mempunyai asas pembelajaran dalam bahasa Arab serta bukan beragama Islam terutamanya di PPIB, UMS bahkan juga kepada pelajar yang mempunyai asas ketika di sekolah rendah hingga sekolah menengah.

Terdapat beberapa faktor yang menjadi punca kelemahan pelajar untuk menguasai Tatabahasa Arab. Satu sudut adalah daripada tenaga pengajar dan sudut kedua adalah pelajar itu sendiri. Antaranya adalah pdp tenaga pengajar yang kurang kreatif, inovatif serta tidak menggunakan teknologi terkini. Tenaga pengajar juga kadang-kala sukar merangsang motivasi pelajar dalam proses pdp Tatabahasa. Manakala dari pelajar sendiri pula mengekalkan persepsi bahawa tatabahasa Arab itu susah.

Di Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB), Universiti Malaysia Sabah (UMS), kursus Bahasa Arab ditawarkan sebanyak tiga peringkat asas iaitu Tahap I, Tahap II, Tahap III manakala untuk kursus minor fakulti sebanyak empat peringkat iaitu sehingga Tahap IV. Kaedah nyanyian ini dipraktikkan kepada pelajar Kursus Bahasa Arab Tahap II kerana pada tahap ini pelajar perlu mempelajari secara teori dan praktikal 10 tajuk tatabahasa Arab yang berbeza pada setiap minggu, bermula minggu pertama hingga minggu yang ke sepuluh. Setiap tajuk mempunyai pelbagai formula yang perlu diingati.

Kaedah Nyanyian Alternatif Mudah Mengingat Formula Tatabahasa Arab

Kaedah ini dilaksanakan seperti berikut, setiap minggu setiap pelajar perlu memahami tajuk Tatabahasa Arab yang berbeza secara teori dan praktikal. Tenaga pengajar akan menerangkan setiap tajuk Tatabahasa Arab mengikut minggu. Usai penerangan dan sesi soal jawab, pelajar akan diberikan latihan tatabahasa secara berkumpulan mengenai tajuk tersebut. Selain itu, pelajar juga akan diminta untuk membina peta minda berkaitan tajuk. Akhir sekali, mereka

akan diminta untuk mencari lagu/video Tatabahasa Arab yang berkaitan daripada Youtube atau membina lagu Tatabahasa Arab sendiri berdasarkan tajuk yang telah dipelajari untuk mengingat formula daripada setiap tajuk Tatabahasa Arab. Pelajar akan diuji untuk mengingat formula bagi setiap tajuk pada minggu hadapannya dengan diminta menyanyikan semula formula tersebut menggunakan lagu. Jadual lagu/video untuk mudah mengingat formula Tatabahasa Arab adalah seperti berikut:

Jadual 1.0 : Lagu/video untuk Mudah Mengingat Formula Tatabahasa Arab

Bil	Lagu/video Tatabahasa daripada Youtube
1.	https://youtu.be/wjt1aCCsY5k?si=ZhybqNZOWODHgM4J -Fi'il Madhi
2.	https://youtu.be/ZnaGx8R2_n8?si=SCsQUdQctjGbe6Jx -Fi'il Mudhari
3.	https://youtu.be/ZnaGx8R2_n8?si=SCsQUdQctjGbe6Jx -Fi'il 'Amar
4.	https://youtu.be/pngzxuR-4Xw?feature=shared -Mufrad Muthanna & Jamak
5.	https://youtu.be/AUnol_PYflc?si=tMV6B-5fYn3gXdNw – Asma'ul Isharah
6.	https://youtu.be/qet7q-gukZs?si=BgFsNfAIXCQ67gFg -Isim Fa'il
7.	https://youtu.be/1-3CAcZPIOQ?si=VElbpGBLINifIMdI – Harf Jar
8.	https://www.youtube.com/watch?v=0Wm4Mup5e8o – Isim Mausul
9.	https://youtu.be/imEH86AQags?si=0s7O7BDbMu4R3SnW - Jumlah Ismiah Jumlah Fi'liah
10.	https://youtu.be/wjO5MuBVG5o?si=xXJn1xNXPEoi-JqJ -Kata Sifat

Sebagai contoh, untuk tajuk Tatabahasa Arab pertama iaitu Fi'il Madhi pelajar perlu mengingat 14 formula perkataan yang berubah dari sudut ejaan, *harakat* (baris), serta sebutan panjang atau pendek mengikut perubahan Kata Ganti Nama Diri. Untuk tajuk kedua iaitu Fi'il Mudhari', pelajar juga wajib mengingat 14 formula, manakala pada tajuk yang ketiga iaitu Fi'il Amar mereka perlu mengingat 6 formula. Keseluruhannya daripada 3 tajuk, pelajar perlu mengingat sebanyak 34 formula yang berbeza.

Penggunaan lagu dan video pdp daripada Youtube sangat membantu pelajar kerana lagu yang menarik dan menghiburkan, gambar dan tulisan yang disediakan pada *background* juga sangat menarik perhatian dan mengukuhkan ingatan. Kaedah yang diaplikasikan atau digabung menggunakan beberapa kaedah lain menjadikannya lebih interaktif dan kreatif serta boleh digunakan

sama ada secara bersemuka, secara atas talian atau latihan sendiri kepada pelajar sendiri.

Kaedah pdp Tatabahasa Arab dahulunya yang diajar secara tradisional kini perlu berubah menggunakan kaedah moden, terkini dan menggunakan teknologi selari dengan perkembangan semasa. Ia sangat penting kerana dapat menarik minat pelajar, memberikan motivasi, mengubah persepsi serta dapat mengaplikasikan Tatabahasa Arab yang telah mereka pelajari dalam kehidupan seharian sehingga mampu bertutur dengan baik.

2. KAJIAN LITERATUR

Beberapa kajian yang menggunakan nyanyian sebagai alternatif pdp untuk mudah mengingat Tatabahasa Arab adalah seperti berikut. Fairosnita Ibrahim et al (2015) dalam artikel yang bertajuk “Pengaruh Permainan Bahasa Terhadap Motivasi Murid Sekolah Rendah Dalam Pembelajaran Perbendaharaan Kata Bahasa Arab” mengatakan kejayaan pdp bergantung kepada kaedah, pendekatan dan teknik yang digunakan.

Sofyan Slamet (2020) menyatakan kaedah nyanyian sangat baik dalam pdp *mufradat* bahasa Arab kerana pelajar akan gembira dan tidak bosan ketika belajar dalam kelas. Kaedah nyanyian ini lebih santai dan tidak menekan para pelajar.

Zainuri, Liya Maulidiah (2022) menjelaskan kaedah ini membantu pelajar membuat perspektif baru bahawa mengingat formula *sarf* itu bukanlah susah dan tidak membosankan. Ia membuatkan pelajar lebih berminat, bermotivasi, berasa teruja dan ghairah untuk belajar.

Dinar Faiza1 *et al.* (2021) berkongsi pendapat bahawa kaedah ini sangat membantu pelajar mengasah kemahiran mendengar dengan meningkatkan minat pelajar, rasa ingin tahu, cukup menarik dan menghilangkan rasa jemu. Ia dibuktikan dengan peningkatan kosa kata dan pengajaran kreatif serta inovatif tenaga pengajar.

Kajian terhadap pelajar bahasa Jepun di UPM mununjukkan pembelajaran kosa kata lebih aktif, menambah motivasi, memberikan ketenangan dan menghilangkan rasa bosan. Akhirnya ia dapat meningkatkan penguasaan kosa kata dalam kalangan pelajar (Muhammad Alif Redzuan Abdullah 1, Sanimah Hussin, 2018).

Dalam buku Muhammad Irwan dan Hamsa (2022) telah mencipta kaedah PAIKEM iaitu Pembelajaran aktif, inovatif, kreatif, efektif dan menyenangkan. Kaedah ini terdiri daripada permainan dan lagu sebagai pdp mengajar bahasa. Ia

dapat mengembangkan kemahiran kognitif, pdp dalam keadaan yang selesa, berpusatkan pelajar, mengingat serta fokus.

Ahmad Zakuan *et all.* (2013) mengatakan teknik pengajaran kosa kata Arab melalui nyanyian dapat meningkatkan kosa kata, menarik minat murid, melembutkan sebutan, meningkatkan daya hafalan, meningkatkan kefahaman, menambah kemahiran bertutur dan berbahasa dalam kalangan pelajar seterusnya menjayakan keberkesanan pdp tenaga pengajar.

3. KAEDAH PENYELIDIKAN

Kajian ini menggunakan kaedah *mix metod* iaitu penyelidikan kualitatif dan kuantitatif. Instrumen kajian menggunakan kaedah kuantitatif deskriptif melalui pengedaran set soal selidik yang diadaptasi daripada beberapa kajian lepas untuk diedarkan kepada sampel. Data kualitatif pula diperolehi melalui pemerhatian ketika pelajar mengingat kesemua formula Tatabahasa Arab dan temu bual separa berstruktur bersama pelajar. Namun, kertas ini hanya membentangkan mengenai pengenalan awal sahaja.

Sample bagi kajian nyanyian ini terdiri daripada pelajar kursus bahasa Arab Tahap 2 sahaja daripada PPIB, kampus Induk (Kota Kinabalu, Sabah) dan Labuan sahaja. Walaupun PPIB, UMS mempunyai 3 cawangan iaitu kampus Induk Kota Kinabalu, Labuan dan Sandakan, Sabah namun pelajar dari cawangan Sandakan tidak dilibatkan bersama buat kali ini.

Skop kajian ini hanya melibatkan pelajar Tahap 2 sahaja serta tidak melibatkan keseluruhan pelajar bahasa Arab sama ada dari Tahap 1, Tahap III dan IV. Ini kerana, pembelajaran Tatabahasa Arab yang paling banyak adalah pada Tahap II dengan 10 tajuk Tatabahasa Arab yang perlu dipelajari berbanding Tahap I, Tahap III, dan Tahap IV.

4. HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Dapatan kajian mendapati terdapat peningkatan dalam kefahaman pelajar, daya ingatan untuk mengingat formula Tatabahasa Arab, penggunaan Tatabahasa Arab setelah dipelajari secara teori dan praktikal, serta ejaan yang betul setelah menggunakan lagu serta video sama ada dalam kalangan pelajar yang mempunyai asas atau tiada dalam bahasa Arab.

Kajian ini juga dapat menentukan kaitan pencapaian faktor penguasaan Tatabahasa Arab menggunakan kaedah lama serta kaedah nyanyian bagi pelajar di PPIB, UMS melalui silibus dan modul yang sama, bahan bantu pdp serta tenaga pengajar.

Hasil maklumat yang diperolehi ini nanti akan dijadikan garis panduan untuk mempelbagaikan kaedah pengajaran dan pembelajaran Tatabahasa Arab khasnya bagi Kursus Bahasa Arab sama ada secara bersemuka atau atas talian.

Ia juga menyediakan lagu-lagu atau video dari Youtube yang boleh digunakan untuk pdp bahasa Arab terkini. Tenaga pengajar juga dalam usaha untuk mencipta lagu Tatabahasa Arab sendiri dan boleh dijadikan bahan rujukan kepada semua tenaga pengajar dari semua institusi yang mungkin belum pernah digunakan sebelum ini.

Bukti peningkatan motivasi dalam diri pelajar juga dapat dilihat melalui semangat untuk mempelajari bahasa Arab, mengingat formula-formula bahasa Arab walaupun ianya sangat banyak dan perlu diingat dalam tempoh yang singkat serta perlu diaplikasikan dalam pembinaan video tugasan, ujian lisan serta ujian bertulis. Ia juga boleh dilihat daripada peningkatan pemarkahan pelajar. Berikut dikongsikan beberapa hasil temu bual bersama pelajar:

1. “Pada pendapat saya, ia membantu dan memudahkan saya untuk mengingat sesuatu formula” – Pelajar *non-basic*.
2. “Penggunaan lagu atau video dalam pembelajaran tatabahasa dalam sesi pembelajaran ini memudahkan pemahaman saya dalam tajuk-tajuk berkaitan tatabahasa. Hal ini kerana, lagu dan video memberikan konteks yang lebih menarik secara interaktif. Lagu dan video membolehkan saya untuk memahami dan mengingat peraturan tatabahasa dan cara menyebut setiap perkataan dengan lebih baik kerana wujudnya gabungan visual dan audio” - Pelajar *non-basic*.
3. “Pembelajaran dengan menggunakan lagu banyak membantu mengingat formula-formula Tatabahasa Arab pada semester ini kerana pengulangan dan singkatan dalam lagu yang digunakan memudahkan saya mengingat Tatabahasa Arab tersebut” - Pelajar *non-basic*.
4. “Pembelajaran dan pengajaran Tatabahasa Arab melalui lagu mudah untuk difahami kerana runut bunyi muzik turut membantu dalam memahami dan menjadikan sesi pembelajaran Tatabahasa Arab lebih seronok. Video pembelajaran Tatabahasa Arab juga mudah didapati di Youtube. Selain itu, memudahkan dalam mengingat formula Tatabahasa Arab kerana terdapat video yang menggunakan lagu yang sering kita dengar di radio” – Pelajar *basic*.
5. “Pembelajaran Tatabahasa Arab melalui video adalah lebih mudah difahami, hal ini kerana dari internet terdapat pelbagai jenis video dan banyak variasi. Oleh itu, saya dapat memilih video yang sesuai dengan saya dalam segi cara pembelajaran dan pengajaran. Lagu juga membuatkan saya lebih senang dalam menghafal formula daripada 10 tajuk Tatabahasa Arab.” - Pelajar *non-basic*.
6. “Bagi saya pembelajaran dan pengajaran bahasa Arab melalui penggunaan video lagu lebih mudah untuk saya fahami kerana saya boleh mendengar atau melihat video tersebut berkali-kali sehingga saya faham sepenuhnya. Lagu bahasa Arab pula lebih memudahkan saya untuk mengingat formula dalam bahasa Arab”. - Pelajar *basic*.
7. “Pada pendapat saya, pembelajaran Tatabahasa Arab menggunakan

- lagu lebih mudah difahami dan diingati berbanding membaca. Saya juga mudah menghafal formula-formula di dalam buku latihan menggunakan lagu” – Pelajar *basic*.
8. “Bagi pendapat saya, lagu amat membantu untuk memahami topik Tatabahasa Arab pada semester 2 ini dan saya juga melihat ia berkesan dengan rakan sekelas saya yang tidak mempunyai *basic* Arab sebelum ini. Lagu juga sangat membantu kerana melatih kebolehan mengingat pelajar bagi 10 tajuk Tatabahasa Arab semester ini. Tambahan lagi sumber seperti ini mudah dan banyak dalam laman web seperti Youtube” - Pelajar *basic*.
 9. “Menggunakan lagu atau video lebih mudah untuk difahami dan menggunakan lagu juga memudahkan saya untuk mengingatkan formula” - Pelajar *non-basic*.
 10. “Pembelajaran melalui video atau lagu mudah difahami, kerana melalui video tersebut penerangan secara jelas dapat diberikan serta video dapat diulang jika saya masih tidak memahami mengenai tajuk tersebut. Menggunakan lagu juga dapat memudahkan saya untuk mengingat formula-formula dalam 10 tajuk pada semester ini kerana lagu ianya boleh dihafal untuk meningkatkan kemahiran dalam bahasa arab saya serta lagu juga mempunyai rentak yang mudah untuk diingati” - Pelajar *basic*.

5. KESIMPULAN

Kaedah nyanyian sebagai alternatif mudah mengingat formula Tatabahasa Arab memberikan peluang kepada pelajar mengingat formula secara sendiri di luar waktu kelas secara atas talian ataupun tidak. Ia membantu pelajar mengingat formula mengikut rentak dan irama lagu yang selalu mereka dengari. Ini secara langsung membantu mereka mengingat sebutan dan ejaan bahkan dapat mengaplikasikannya dalam kehidupan seharian. Pelajar juga dapat meningkatkan pemahaman mereka mengenai setiap tajuk Tatabahasa Arab yang mereka pelajari kerana sebahagian lagu ataupun video yang mereka hafal menyediakan contoh ayat yang lebih banyak untuk dipraktiskan. Jika masih tidak memahami mengenai sesuatu tajuk, mereka boleh bertanya kepada rakan yang lain serta tenaga pengajar pada bila-bila masa yang bersesuaian sama ada secara bersemuka ataupun melalui whatsapp. Ia bukan sahaja meningkatkan kreativiti dan inovasi dalam proses pembelajaran, tetapi juga membangun daya ingatan pelajar dan keyakinan diri untuk menyebut sesuatu perkataan, terutamanya bagi mereka yang tidak mempunyai asas dalam bahasa Arab (*non-basic*). Dengan mengintegrasikan kaedah nyanyian dan tontonan video dalam pdp bahasa Arab akan menjadikannya lebih menarik, interaktif dan relevan mengikut trend semasa, serta memastikan pelajar sentiasa bersemangat dan berminat untuk mempelajarinya. Pembelajaran dan pengajaran menggunakan

kaedah nyanyian juga secara tidak sedar akan membuatkan pelajar mengingat setiap formula kerana lirik lagu yang biasa didengar, dinyanyikan serta menjadi siulan telah ditukar dengan lirik baru yang berisi formula Tatabahasa Arab. Terdapat perbezaan antara pembelajaran bahasa dengan kuliah ataupun subjek yang lain kerana ia memerlukan kecerdasan otak kiri (Hutapea, 2006 dlm Ellen Prima 2019). Keberkesanan kaedah nyanyian dalam mengingat formula Tatabahasa Arab ini, bukan sahaja dapat membantu pelajar yang mempunyai asas dalam bahasa Arab, malah sangat sesuai untuk pelajar yang tidak mempunyai asas (*non-basic*) dan tidak beragama Islam serta terdiri daripada latar belakang yang berbeza. Salah satu tarikan utama adalah majoriti pelajar ini suka menyanyi, bersuara merdu dan terdapat dalam kalangan mereka yang menjadi komposer lagu dalam usia yang muda. Mereka dilihat kadang-kala sangat malu untuk menjawab soalan dan merasa kurang berkeyakinan untuk bersaing bersama pelajar lain yang telah mempunyai asas. Kini, tiada beza dalam kalangan pelajar yang mempunyai asas atau tidak dapat belajar bahasa Arab serta mengingat pelbagai formula Tatabahasa Arab. Ini juga membuktikan bahawa pelajar boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dalam setiap seksyen walau pun terdiri daripada latar belakang yang berbeza. Diharapkan dengan kajian ini akan menambah motivasi pelajar dan menarik minat mereka untuk mempelajari bahasa Arab seperti bahasa asing yang lain, membantu para tenaga pengajar untuk mempelbagaikan lagi kaedah pengajaran dan pembelajaran dalam mendepani revolusi 4.0.

RUJUKAN

1. Ahmad Arifin .(2017). Peranan Permainan Bahasa Dalam Proses Kegiatan Belajar Mengajar Mata Pelajaran Bahasa Arab. *Jurnal An Nabighoh*, (19). <http://e-journal.metrouniv.ac.id/index.php/an-nabighoh>
2. Ahmad Zakuan Md Khudzari, Nik Mohd Rahimi Nik Yusoff, Hanan Hamzah .(2013). Teknik Pengajaran Kosa Kata Arab Melalui Nyanyian: Asas Pengetahuan Yang Perlu Ada Pada Guru Bahasa Arab J-Qaf. https://www.academia.edu/20041619/TEKNIK_PENGAJARAN_KOSA_KATA_ARAB_MELALUI_NYANYIAN
3. Altakhaineh, A. R. M., & Al-Jallad, M. Z. (2018). The use of twitter and Facebook in teaching mechanics of writing to Arabic-speaking EFL learners. *International Journal of Emerging Technologies in Learning (iJET)*, 13(09), 4-14.
4. Azmani Abd Wahab .(2015). Aplikasi Teknik Permainan Bahasa Terhadap Penguasaan Kosa Kata Arab Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. Universiti Putra Malaysia. <http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/70984/1/FBMK%202015%2087%20IR.pdf>

5. Djohan Abdul Rahman, Siti Hazlilah Jumali, Khairunisak Hussain, Muhammad Hafiz Md Said .(t.th). Permainan Bahasa Sebagai Satu Pendekatan Alternatif Dalam Pembelajaran Bahasa Melayu. <https://mlcs.moe.edu.sg/files/25-permainan-bahasa-sebagai-satu-pendekatan-alternatif.pdf>.
6. Fairosnita Ibrahim, Kamarul Shukri Mat Teh.(2015). Pengaruh Permainan Bahasa Terhadap Motivasi Murid Sekolah Rendah Dalam Pembelajaran Perbendaharaan Kata Bahasa Arab. *Tinta Artikulasi Membina Ummah* (2), 41. <https://core.ac.uk/display/222965970>
7. Hashim, H., Yunus, M. M., Ibrahim, N. S. M., E., J. I., Sukr, M. A. M., Ilahi, N. S. N., & Hassim, M. A. N. (2018). Social media and its impact on students' writing skill. *International Journal of Engineering & Technology*, 7(4.21), 102-106.
8. Hazrati Binti Yahaya, Hanis Najwa Shahrudin, Fudzla Suraiyya Abdul Raup, Nor Zahidah Ahmad, Muhammad Hatta Shafri .(2022). Persepsi Pelajar Terhadap Pemanfaatan Gamifikasi Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *International Journal of Modern Languages and Applied Linguistics* (6). <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/63624/1/63624.pdf>
9. Hutapea, A.M. (2006). Keajaiban-Keajaiban dalam Tubuh Manusia. Jakarta : Gramedia.
10. Leap Scholar. (April 16, 2024). *Top 10 Hardest Languages in the World*. <https://leapscholar.com/blog/mostdifficultandhardestlanguageintheworld/#:~:text=The%20top%2010%20hardest%20languages,and%20significant%20differences%20from%20English>
11. Mohd Nabil Zulhemay, Nurul Asma Mazlan, Mohamad Hafiz Khairuddin .(2022). Pembelajaran Bahasa Arab Berasaskan Permainan Melalui Peranti Mudah Alih. *Jurnal Pengajian Islam*, (15), 91. <https://jpi.kuis.edu.my/index.php/jpi/article/view/157/116>

12. Nik Radhiah Nik Ali .(2020). Kaedah Permainan Bahasa Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Bahasa Arab. *Internasional Social Science And Humanities Journal*, (3), 60.
<https://123dok.com/document/y6oxmp4y-kaedah-permainan-pengajaran-pembelajaran-language-teaching-learning-arabic.html>
13. Nithiyaa Sakthi Saravanan, Muhammad Syawal Amran (2020). Penggunaan Teknik Permainan Berkumpulan ‘Vocabulary Taskforce’ Untuk Meningkatkan Motivasi Pelajar Dalam Menguasai Perbendaharaan Kata Bahasa Inggeris. *Prosiding Seminar Kebangsaan Majlis Dekan Pendidikan Universiti Awam Malaysia (MEDC 2020)* diambil daripada
<https://oarep.usim.edu.my/jspui/handle/123456789/18047>
- Nurul Huda Mohd Saad, Rafidah Abd. Karim, Farahidatul Akmar, Zainab Mohd Zain .(2017). Keberkesanan Penggunaan Kaedah Permainan Bahasa Dalam Pembelajaran Penterjemahan Peribahasa. *Jurnal UKM*, 1. <http://journalarticle.ukm.my/12446/1/IMAN-2017-0503-03.pdf>
15. Padmavathi .(2016). A Study of Student-Teachers' Readiness to Use Computers in Teaching: An Empirical Study. *i-manager s Journal on School Educational Technology*,11(3),29.
16. https://www.researchgate.net/scientific-contributions/Padmavathi-M-2138194182?_tp=eyJjb250ZXh0Ijp7ImZpcnN0UGFnZSI6InB1YmxpY2F0aW9uIiwicGFnZSI6InB1YmxpY2F0aW9uIn19
17. Saini Ag Damit, Mohammad Seman. (2012). *Asas Bahasa Arab 1*. Kota Kinabalu: Penerbit UMS.
18. Siti Rohani, Suhaila binti Zailani dan Hakim bin Zainal. (2018). Pendekatan Gamifikasi Dalam Pembelajaran Bahasa Arab. *Jurnal Of Fatwa And Research*, 358. <https://jfatwa.usim.edu.my/index.php/jfatwa>.
19. Sofyan Slamet.(2020). Penggunaan Metode Bernyanyi Dalam Pembelajaran Mufrodat Bahasa Arab Kelas 7 Mts Ma’arif Suka Slamet Indramayu. *Syntax Idea*,(2), 11. <https://jurnal.syntax-idea.co.id/index.php/syntax-idea/article/view/731>
20. Syaibatul Muhammad Hamdi .(2022). Media pembelajaran bahasa arab melalui permainan bahasa. Universitas Negeri Islam K.H. Abdurrahman Wahid.
https://www.researchgate.net/publication/364334987_Media_pembelajaran_bahasa_arab_melalui_permainan_bahasa#fullTextFileContent
21. Tiktok.(2024). A Chinese English Teacher Rapped to teach her students. Shaanxi China. <https://vt.tiktok.com/ZSYwxynP1/>.
22. Zaharah Kamaruddin dan Suziyani Mohamed. (2019). Keberkesanan Pendekatan Bermain Dalam Kemahiran Mengenal Huruf Melalui Permainan Bahasa. *e-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains*

- Sosial dan Kemanusiaan*, 108.
http://conference.kuis.edu.my/pasak4/images/kk/052-KK_ZAHARAH_KAMARUDDIN_ETAL.pdf
23. Zainuri, Liya Maulidiah. (2022). Urgensi Nyanyian dalam Belajar Šarf. *Journal of Education & Community Service*,(1), 2.
<https://ejournal.uas.ac.id/index.php/An-Nuqthah/article/download/666/443/>
24. Dinar Faiza¹, Meilina Haris Mayekti², Ade Christanty Yudha Bestari³. (2021). Pelatihan Kemampuan Listening melalui Media Lagu Bahasa Inggris kepada Siswa Kelas X MA Al Ikhsan Beji, Kedungbanteng. *Jurnal Abdidas* (2), 253 – 262.
25. https://scholar.google.com.my/scholar_url?url=https://www.abdidas.org/index.php/abdidas/article/download/252/168&hl=en&sa=X&ei=MAGrZvTIOdx6rQP98KRwAU&scisig=AFWwaebjaaLoOoMj-Aa0nce8LAW&oi=scholar
26. Muhammad Alif Redzuan Abdullah 1, Sanimah Hussin. (2018). Penggunaan Lagu dalam Meningkatkan Penguasaan Kosakata dalam Kalangan Pelajar Bahasa Jepun di Universiti Putra Malaysia. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*,(5), 2.
27. https://scholar.google.com.my/scholar_url?url=https://jsass.kuis.edu.my/index.php/jsass/article/download/67/51&hl=en&sa=X&ei=MAGrZvTIOdx6rQP98KRwAU&scisig=AFWwaebYYgX_NZaDvcJecB6aqSa3&oi=scholar
28. Muhammad Irwan, Hamsa. (2022). *Pembelajaran Bahasa Arab Melalui Permainan dan Lagu*. Indonesia. Parepare : IAIN Parepare Nusantar Press.
29. https://opac.iainpare.ac.id/index.php?p=show_detail&id=11202&keywords=

Pendidikan Stem Dan Teknologi Multimedia : Tinjauan Awal

Siti Zaharah Mohid¹, Roslinda Ramli², Nurkhaliza Khalid³, Noor Fadzilah Ab Rahman⁴

Universiti Islam Selangor, UIS

zaharahm@uis.edu.my; roslinda@uis.edu.my; nurkhaliza@uis.edu.my;
noorfadzilah@uis.edu.my

ABSTRAK

Penggunaan teknologi multimedia untuk proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) telah memberi impak yang besar dalam bidang pendidikan. Ia dapat menyampaikan isi kandungan dengan lebih berkesan terutama dalam menyampaikan konsep yang abstrak kepada murid dalam subjek sains. Pendidikan STEM iaitu Science, Technology, Engineering dan Mathematics diperkenalkan dan diperkasa untuk menarik minat pelajar terhadap elemen-elemen sains. Kajian menunjukkan penggunaan teknologi multimedia dapat meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP) di kalangan murid. Justeru, kajian ini bertujuan menyoroti kajian-kajian lepas berkaitan teknologi multimedia dalam pendidikan STEM. Selain turut memfokus peranan teknologi multimedia dalam pendidikan serta kelebihan dan potensi teknologi ini untuk menarik minat murid terhadap STEM.

Keywords: bahan bantu mengajar; teknologi multimedia; pendidikan STEM

1. PENGENALAN

Dalam buku *The Fourth Industrial Revolution* (4IR) yang ditulis oleh Klaus Schwab (2017) menjelaskan revolusi industri 4 telah mengubah cara kita bekerja dan hidup. Secara tidak langsung 4IR telah memberi cabaran baru kepada semua bidang termasuk bidang pendidikan. Menurut Makhbul (2018) perubahan yang berlaku rentetan daripada 4IR memerlukan sumber manusia berpengetahuan dan berkemahiran tinggi agar daya saing dapat diperkasakan. Selaras dengan itu, penggunaan teknologi dalam Penyampaian Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) amat relevan dan sesuai dengan aktiviti pembelajaran Abad ke 21.

Teknologi multimedia telah menjadi salah satu komponen penting dalam dunia pendidikan. Penggunaan teknologi ini telah mengubah cara pelajar belajar dan cara guru mengajar, menjadikan pembelajaran lebih interaktif, menarik, dan efektif. Pendidikan STEM (Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik) dan teknologi multimedia telah memberi impak penting dalam sistem pendidikan di Malaysia. Dalam pendidikan abad ke-21, murid-murid dilatih untuk memiliki kemahiran yang boleh diguna pada masa akan datang, seperti kemahiran komunikasi yang baik, mampu berkolaborasi dan menyelesaikan masalah berdasarkan realiti kehidupan. Pendidikan yang berkualiti dan cemerlang dalam pelbagai aspek menjadi matlamat utama dalam usaha melahirkan generasi alaf baru yang mampu menangani cabaran-cabaran abad ke-21 (Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025, KPM 2013).

Artikel ini mengandungi empat bahagian utama iaitu pendidikan stem, multimedia interaktif, teknologi multimedia interaktif dalam pendidikan dan peranan teknologi multimedia dalam pendidikan STEM. Akhirnya, kesimpulan dirumus dengan perbincangan dan cadangan lanjutan yang boleh dijalankan untuk kajian seterusnya.

2. PENDIDIKAN STEM

Pendidikan STEM bertujuan untuk menyediakan pelajar dengan kemahiran yang relevan untuk menghadapi cabaran teknologi dan ekonomi abad ke-21. Kerajaan Malaysia telah memperkenalkan pelbagai inisiatif dan dasar untuk mempromosikan pendidikan STEM seperti Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 yang menekankan kepentingan STEM dalam kurikulum sekolah. Program seperti MySTEM dan STEM Mentor-Mentee juga dilaksanakan untuk meningkatkan minat dan penyertaan pelajar dalam bidang STEM (Ministry of Education Malaysia, 2013). Selain itu, kerjasama antara sekolah, industri, dan institusi pendidikan tinggi dapat menyediakan peluang pembelajaran yang lebih relevan dan praktikal kepada pelajar. Program latihan industri, penceramah jemputan dari sektor industri, dan kerjasama projek penyelidikan adalah antara cara untuk menghubungkan pendidikan STEM dengan dunia pekerjaan (Rahman et al., 2020). Penggunaan teknologi digital seperti pembelajaran berasaskan permainan, simulasi, dan alat bantu pengajaran interaktif dapat meningkatkan minat dan penglibatan pelajar dalam pendidikan

STEM. Teknologi ini membolehkan pembelajaran jarak jauh, terutama semasa pandemik COVID-19 (Halim et al., 2020). Program latihan guru dan pembangunan profesional yang fokus kepada pengajaran STEM penting untuk meningkatkan kompetensi guru. Latihan yang berterusan dan sokongan profesional dapat membantu guru menguasai pendekatan pengajaran STEM yang lebih berkesan (Rauf et al., 2019). Pembelajaran berasaskan projek (PBL) yang mengintegrasikan elemen STEM dapat meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar serta membolehkan pelajar mempraktikkan pengetahuan STEM mereka dalam situasi dunia nyata, meningkatkan kemahiran kritis dan kreativiti (Hmelo-Silver, 2019). Melalui pendekatan berasaskan projek, pembelajaran berpusatkan pelajar, dan penyelesaian masalah, pendidikan STEM mampu memperkasa pelajar untuk berfikir secara kritis dan kreatif (Bybee, 2013).

Antara cabaran pendidikan STEM di Malaysia adalah kekurangan guru yang berkelayakan dalam bidang STEM. Ramai guru kurang berpengalaman dalam menggunakan pendekatan pengajaran berasaskan STEM yang memerlukan kemahiran dalam mengintegrasikan sains, teknologi, kejuruteraan, dan matematik secara holistik (Rasul et al., 2018). Selain itu, terdapat banyak sekolah, terutama di kawasan luar bandar, menghadapi kekurangan infrastruktur dan sumber seperti makmal sains yang lengkap, peralatan teknologi, dan bahan pembelajaran yang mencukupi. Keadaan ini menyukarkan pelaksanaan program pendidikan STEM yang berkesan (Abdullah et al., 2017). Sistem pendidikan yang masih menekankan pengajaran berasaskan hafalan dan peperiksaan menjadi penghalang kepada pelaksanaan pendidikan STEM yang lebih interaktif dan dinamik. Pendekatan ini kurang memberi ruang kepada pelajar untuk terlibat dalam pembelajaran berasaskan projek dan penyelesaian masalah (Tan & Ponnusamy, 2019). Terdapat kurangnya kesedaran dan minat dalam kalangan pelajar terhadap bidang STEM. Persepsi bahawa subjek STEM adalah sukar dan tidak relevan dengan kehidupan seharian turut menyumbang kepada rendahnya penyertaan pelajar dalam program STEM (Adnan et al., 2016).

3. MULTIMEDIA INTERAKTIF

Multimedia interaktif merujuk kepada gabungan elemen-elemen media seperti teks, gambar, audio, video, dan animasi yang membolehkan pengguna berinteraksi secara aktif dengan kandungan melalui pelbagai bentuk input seperti

klik (tetikus), sentuhan (skrin), atau arahan suara. Teknologi ini dapat meningkatkan pengalaman pengguna dengan menjadikannya lebih dinamik dan berkesan dalam menyampaikan maklumat atau hiburan (Mayer, 2020). Multimedia interaktif digunakan dalam berbagai bidang seperti pendidikan, permainan (*games*), industri filem, ketenteraan, perniagaan, sukan, iklan/promosi, dan sebagainya. Sejarah perkembangan multimedia interaktif menunjukkan perkembangan dan inovasi begitu pesat berlaku seperti peranti mudah alih (*mobile*) dan kemampuan untuk mengakses internet tanpa wayar (*wireless*), penggunaan teknologi VR (*virtual reality*), AR (*augmented reality*) dan AI (*Artificial Intelligence*).

Penggunaan multimedia dalam pendidikan bukan sahaja meningkatkan keberkesanan pembelajaran, tetapi juga menjadikan proses pembelajaran lebih menarik dan interaktif. Kajian penggunaan teknologi ini pada peringkat awal kanak-kanak menunjukkan ia boleh merangsang dan mendorong kanak-kanak belajar dengan lebih baik, cepat dan berkesan (Burnett, 2010; Syarifah Nor & Kamarul Azman, 2011). Multimedia interaktif memainkan peranan penting dalam pendidikan dengan menyediakan alat yang lebih menarik dan interaktif untuk pembelajaran. Teknologi ini membantu pelajar memahami konsep yang kompleks melalui simulasi, animasi, dan kuiz interaktif, serta memberi peluang kepada pelajar untuk belajar mengikut kadar mereka sendiri (Clark & Mayer, 2016). Dalam perniagaan dan pemasaran, multimedia interaktif digunakan untuk menarik minat pelanggan dan meningkatkan pengalaman pengguna. Laman web interaktif, iklan video, dan aplikasi mudah alih membolehkan pengguna berinteraksi dengan produk atau perkhidmatan dengan cara yang lebih menarik, meningkatkan keterlibatan pelanggan dan potensi jualan (Kotler et al., 2021). Dalam bidang kesihatan, multimedia interaktif digunakan untuk pendidikan pesakit, latihan profesional kesihatan, dan penyebaran maklumat kesihatan awam. Aplikasi interaktif membantu pesakit memahami kondisi kesihatan mereka dan mengikuti arahan rawatan dengan lebih baik, manakala latihan simulasi membantu profesional kesihatan meningkatkan kemahiran mereka dalam persekitaran yang selamat (Boulos et al., 2021). Industri hiburan menggunakan multimedia interaktif untuk mencipta pengalaman yang lebih mendalam dan menarik. Permainan video, filem interaktif, dan aplikasi realiti maya (VR) memberikan pengguna pengalaman yang lebih immersif dan interaktif, membolehkan mereka terlibat secara aktif dalam kandungan hiburan (Zhou et al., 2020).

Penggunaan teknologi maklumat dapat memberi manfaat kepada PdP matematik dan statistik berbanding kaedah pengajaran tradisional (Ling & Mohd Matore, 2021). Kajian lepas oleh Zaharin et al. (2021) telah membuktikan bahawa penerimaan pelajar terhadap penggunaan teknologi maklumat seperti gamifikasi dalam pembelajaran matematik adalah tinggi. Justeru, pembelajaran melalui aplikasi visual adalah antara kaedah PdP yang dapat meningkatkan minat pelajar dalam subjek seperti statistik. Apabila minat seorang pelajar meningkat, maka proses pembelajaran akan menjadi lebih mudah.

Sistem pembelajaran yang melibatkan visual memberikan impak yang baik kepada pelajar (Jamal Raiyn, 2016) selain meningkatkan minat, pemahaman dan motivasi mereka dalam proses pembelajaran (Noor Fadzilah et al., 2017). Kajian lampau oleh Shabiralyani, Hasan, Hamad & Iqbal (2015) tentang impak penggunaan visual sebagai ABBM mendapati bahawa 70% pengajar dan pelajar bersetuju bahawa

penggunaan visual dalam pembelajaran banyak membantu meningkatkan motivasi mereka dalam proses PdP.

Penggunaan aplikasi visual juga boleh digandakan kesannya melalui penggunaan video. Ini dibuktikan melalui kajian yang dilakukan oleh Edna et al. (2011) yang menyatakan bahawa penggunaan video dalam sesi pembelajaran dapat memperbaiki hasil pembelajaran pelajar selain menjadi pendekatan yang menyeronokkan bagi pelajar dan memudahkan para pengajar untuk memperkenalkan sesuatu subjek. Malahan Syahanim Mohd Salleh et al. (2013) turut mendedahkan bahawa pendekatan visualisasi atau penvisualan merupakan pendekatan yang sering digunakan untuk menjelaskan konsep abstrak yang memerlukan imaginasi atau gambaran untuk membina kefahaman.

TINJAUAN LITERATUR

Statistik adalah suatu proses melibatkan pengumpulan data yang akan disusun, dianalisis, ditafsir dan akan disimpulkan berdasarkan dapatan akhir. Pembelajaran statistik telah diperkenalkan bermula dari peringkat sekolah rendah sehinggalah ke peringkat universiti (Norabiatul et al., 2019; Chan & Ismail, 2012). Kemahiran utama yang sepatutnya dicapai oleh para pelajar yang mempelajari statistik adalah kemahiran penyelesaian masalah. Bagaimanapun, kajian oleh Hendriana et al. (2020) menegaskan bahawa kemahiran penyelesaian masalah berayat adalah kemahiran yang sukar dipelajari dan dikuasai oleh para pelajar. Antara faktor utama kelemahan pelajar adalah kerana kemahiran ini memerlukan pelajar berfikir secara kritis dan logik selain memerlukan pelajar mengaplikasikan penaakulan beraras tinggi (Rohmah & Sutiarso, 2018; Akyuz, 2020).

Menurut Wong & Matore (2020), masalah matematik dan statistik berayat di semua peringkat institut pendidikan dapat dibahagikan kepada dua iaitu; masalah rutin dan masalah bukan rutin. Masalah rutin lebih digemari oleh pelajar kerana soalan rutin tidak memerlukan keupayaan berfikir aras tinggi dan mereka dapat mencari jalan penyelesaian dengan mudah (Wong & Matore, 2020). Manakala, masalah bukan rutin pula memerlukan pelajar merancang dan melaksanakan pelbagai strategi bagi membolehkan mereka mencari jalan penyelesaian yang sesuai dan tepat kepada masalah yang diberi (Ariffin & Aziz, 2016; Wong & Matore, 2020).

Antara faktor yang dikenal pasti dalam literatur sebagai penyebab para pelajar tidak dapat menguasai aspek penyelesaian masalah berayat

adalah pelajar kurang dedahkan dengan soalan-soalan berbentuk penyelesaian masalah berayat matematik (Abdullah, 2020; Maharani et al., 2017). Selain itu, terdapat juga faktor lain seperti teknik PdP yang diaplikasikan masih bersifat tradisional (Vitaloka et al., 2020). Teknik PdP tradisional tersebut bukan sahaja melahirkan generasi pelajar yang menghafal malahan turut menghalang penguasaan kemahiran-kemahiran matematik dan statistik (Kenedi et al., 2019).

Bagaimanapun, tidak kesemua dapatan tinjauan literatur memberikan pandangan negatif terhadap teknik PdP dalam kalangan pensyarah. Terdapat literatur yang mencatatkan bahawa segelintir pensyarah telah menggunakan teknik PdP yang menyeronokkan bagi membantu pelajar dalam pendidikan matematik dan statistik. Teknik-teknik tersebut adalah seperti teknik *scaffolding*, pendekatan pembelajaran berasaskan permainan dan juga teknik *flipped classroom* bagi membantu para pelajar membetulkan kesilapan mereka dalam menyelesaikan masalah serta menguasai kemahiran penyelesaian masalah berayat matematik dan statistik dengan lebih efektif (Simamora et al., 2019; Muhamad et al., 2018; Lee et al., 2021).

Selain daripada teknik PdP yang dinyatakan di atas, para pensyarah turut memperkenalkan pelbagai kaedah dalam meningkatkan keupayaan penyelesaian masalah matematik berayat. Kesemua kaedah tersebut sentiasa melibatkan gambaran visualisasi. Antaranya adalah penekanan dalam sesi PdP dalam kelas seperti pengajaran menggunakan bahan konkrit dalam kelas (Lean & Lan, 2006), pengajaran menggunakan kaedah *lesson study* (Isoda, 2010), pengajaran menggunakan modul *Vstops* yang menekankan visualisasi (Nasarudin et al., 2014) dan pengajaran yang menggunakan latihan matematik yang menyerupai PISA (Rita & Mulia, 2016). Antara kesemua teknik tersebut, penggunaan teknik visualisasi telah dikenalpasti berkemampuan meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah berayat dalam kalangan pelajar (Subramanian & Mahmud, 2023); Lasiun, 2016).

Shneiderman (1998) mentakrifkan penvisualan sebagai kaedah penggambaran data atau maklumat yang abstrak secara visual dan interaktif melalui penggunaan teknologi komputer untuk membantu pengguna dalam memahami dan memperkukuhkan lagi pengamatan dengan mudah. Teknik penvisualan memainkan peranan sebagai pemudah cara sewaktu pelajar memindahkan maklumat penting daripada soalan

penyelesaian masalah berayat matematik dan statistik kepada perwakilan yang lebih mudah untuk difahami dan dilihat oleh para pelajar (Augustine & Effendi, 2020). Tambahan lagi, menurut Boyd dan Crawford (2012), visualisasi data adalah kaedah yang sesuai untuk mengajar kepentingan konteks dalam statistik kepada pelajar. Antara perisian penvisualan yang dijumpai dalam tinjauan literatur adalah GeoGebra (Ghozi, 2015), mathematical Game Software (CMGS) (Al-Mashaqbeh, & Al Dweri, 2014), math learning software (ALEKS) (Yilmaz, 2017), (ST) Math (Rutherford et al., 2014), and Math4S (Beremlijski, 2014).

Teknik penvisualan membantu pelajar untuk menyatakan semula maksud masalah yang diberi menggunakan perwakilan imej atau perkataan mereka sendiri (Rita Novita & Mulia Putra, 2016). Pelajar kemudiannya akan dapat membina model konkrit bagi masalah berayat matematik dan statistik yang diberikan kepada mereka. Tambahan lagi, dapatan kajian oleh Janitor et al. (2010) telah membuktikan bahawa ABBM yang berkonsepkan visual dapat membantu meningkatkan lagi penguasaan, pemahaman, minat dan motivasi pelajar dalam pembelajaran.

TUJUAN KAJIAN

Kajian dijalankan dengan tujuan untuk meninjau keperluan dan ciri-ciri aplikasi visual dalam kalangan pensyarah. Berikut adalah persoalan kajian bagi mencapai tujuan kajian:

- 1) Apakah topik dan subtopik bagi kursus statistik asas yang sukar dan perlu penggunaan aplikasi visual untuk meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah berayat dalam kalangan pelajar?
- 2) Adakah terdapat keperluan untuk menggunakan aplikasi visual bagi kursus statistik asas untuk meningkatkan kemahiran penyelesaian masalah berayat dalam kalangan pelajar?

METODOLOGI KAJIAN

Bahagian ini menjelaskan tentang metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini untuk mendapatkan data dan hasil kajian. Secara khususnya, bahagian ini membincangkan tentang reka bentuk kajian, kaedah pengumpulan data dan skop kajian serta kaedah analisis data. Kajian dimulai dengan kajian keperluan (*Need Analysis*) secara kaedah campuran melalui soal selidik berbentuk tertutup dan terbuka yang telah dijawab secara sukarela oleh 3 pensyarah pakar. Menurut Chua Yan Piaw (2006), soal selidik adalah satu bentuk instrumen atau alat formal yang

digunakan bagi memperolehi maklumat secara langsung daripada responden berhubung sesuatu perkara yang hendak dikaji.

Terdapat dua bahagian di dalam instrumen kajian soal selidik ini iaitu Maklumat Latar Belakang Pakar (Bahagian A), Pandangan Pakar (Bahagian B) dan Tahap Kesukaran Topik dan Sub-Topik (Bahagian C). Ringkasan konstruk dan bilangan item bagi konstruk yang dipilih dapat dilihat dari Jadual 1. berikut:

Jadual 1: Ringkasan konstruk dan bilangan item

Bahagian	Bil	Konstruk	Bilangan Item
A	1.	Maklumat Latar Belakang Pakar	4
B	1.	Pandangan Pakar	5
C	8.	Tahap Kesukaran Topik dan Sub-Topik	42
Jumlah Keseluruhan			51

Bahagian A (Maklumat Latar Belakang Pakar) mengandungi 4 soalan mengenai latar belakang responden. Maklumat yang disoal ialah jantina, jawatan, pengkhususan dan pengalaman sebagai pensyarah (dalam tahun). Bahagian B (Pandangan Pakar) ialah soalan berbentuk terbuka berkenaan perkara yang dinyatakan dalam Jadual 2. Responden diminta menjawab di ruang yang disediakan. Masa yang bersesuaian diberikan kepada responden (7-10 hari). Responden turut diberikan penerangan secara dalam talian menerusi aplikasi WhatsApps sebelum mereka menjawab soalan yang diberikan.

Bahagian C (Tahap Kesukaran Topik dan Sub-Topik) ialah soalan kepada pensyarah untuk menentukan tahap kesukaran topik dan sub-topik yang diajar berdasarkan huraian sukatan pelajaran (Maklumat Kursus/Proforma). Huraian sukatan pelajaran adalah dokumen penting yang digunakan sebagai panduan para pensyarah bagi mencapai objektif kursus. Bahagian C dinilai oleh pensyarah responden berdasarkan tahap kesukaran topik dan sub-topik yang disusun menjadi 42 item

menggunakan Skala Likert (lima tahap) sebagaimana dinyatakan dalam Jadual 3.

Jadual 2: Ringkasan Item Bahagian B

Jadual 3: Skala Likert Bahagian C

Bahagian	Bil	Item			
B	1.	Adakah terdapat keperluan untuk menggunakan aplikasi visual bagi kursus statistik asas? Jelaskan.			
	2.	Apakah aktiviti-aktiviti PdPc yang sesuai diterapkan dalam aplikasi visual bagi kursus statistik asas? Jelaskan.			
	3.	Apakah kemahiran yang sesuai diterapkan dalam aplikasi visual bagi kursus statistik asas? Jelaskan.			
	4.	Apakah strategi pengajaran yang yang sesuai diterapkan dalam aplikasi visual bagi kursus statistik asas? Jelaskan.			
	5.	Apakah bentuk penilaian yang sesuai diterapkan dalam aplikasi visual bagi kursus statistik asas? Jelaskan.			
	Amat Mudah	Mudah	Sederhana	Sukar	Amat Sukar
	1	2	3	4	5

Kajian rintis juga dilakukan oleh penyelidik bagi meningkatkan kebolehpercayaan instrumen dan memantapkan soal selidik agar mudah difahami oleh responden serta dapat menghasilkan jawapan yang dikehendaki oleh penyelidik (Cresswell, 2008) selain menguji kebolehtadbiran dan mendapat kesahan serta kebolehpercayaan soal selidik.

Bagi kajian ini, kajian rintis dilaksanakan kepada 10 orang pensyarah Fakulti Multimedia dan Komputeran (FMKK), Universiti Islam Selangor (UIS). Kajian rintis yang dilaksanakan mempunyai kesemua konstruk yang sama selepas proses kesahan. Hasil kajian rintis ini menunjukkan Alpha Cronbach bagi keseluruhan soalselidik kajian adalah tinggi (antara 0.90 hingga 1.00) seperti dilaporkan dalam Jadual 4.

Jadual 4: Skala Indeks Kebolehpercayaan

Interpretasi	Nilai Alfa Cronbach
Sangat Tinggi	0.90 – 1.00
Tinggi	0.70 – 0.89
Sederhana	0.30 -0.69
Rendah	0.00 – 0.29

Sumber : Pallant (2010)

Dapatan kuantitatif ditafsirkan menggunakan julat nilai min (Mohd Majid, 2000) seperti yang tunjukan dalam Jadual 5.

Jadual 5: Skala interpretasi min

Min	Interpretasi
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.67	Sederhana
3.68 – 5.00	Tinggi

Sumber: Mohd Majid Konting (2000)

Manakala dapatan kualitatif yang diperoleh melalui set soalan terbuka (*open-ended*) dianalisis secara manual.

DAPATAN KAJIAN

Responden bagi soalselidik untuk pensyarah adalah terdiri daripada dua (2) pensyarah IPTA dan seorang (1) pensyarah IPTS. Kesemua responden adalah perempuan dan mempunyai pengkhususan matematik, ekonomi dan statistik. Dapatan turut menunjukkan bahawa majoriti pensyarah yang dipilih sebagai responden berpengalaman melebihi 5 tahun. Berikut adalah profil pensyarah pakar yang terlibat dalam kajian keperluan:

Jadual 6: Ringkasan profil responden

Bil	Perkara	Pandangan Pakar		
		P1	P2	P3
1	Jantina	Perempuan	Perempuan	Perempuan
2	Jawatan	Pensyarah IPTA	Pensyarah IPTA	Pensyarah IPTS
3	Pengkhususan	Matematik	Ekonomi	Statistik
4	Pengalaman mengajar sebagai pensyarah	Melebihi 20 tahun	15 hingga 20 tahun	6 hingga 10 tahun

Bagi menjawab persoalan kajian yang pertama, soalselidik bahagian C (Tahap Kesukaran Topik dan Sub-Topik) telah dianalisis secara statistik menggunakan perisian SPSS (*Statistical Packages for Social Science*). Data yang diperolehi dari hasil soal selidik keperluan tajuk sukar dianalisis secara deskriptif melalui skor purata (Jadual 7) untuk menghuraikan secara menyeluruh data mengenai pandangan pensyarah berdasarkan pengalaman mengajar subjek statistik asas sekurang-kurangnya 5 tahun.

Min bagi tahap kesukaran tajuk mendapati bahawa antara kelapan-lapan tajuk dalam silibus statistik asas, hanya tajuk “Estimation” menunjukkan min secara keseluruhan tertinggi iaitu 4.0 (Rujuk Jadual 7). Manakala, tujuh tajuk lain dalam silibus statistik asas memberikan tahap kesukaran yang sederhana. Enam sub-tajuk yang berada dalam kumpulan tinggi adalah “Bayes Theorem” (Sub-Tajuk 2.8), “Binomial Probability Distribution” (Sub-Tajuk 3.5), “Poisson Probability Distribution” (Sub-Tajuk 3.6), “Hypergeometric Probability Distribution” (Sub-Tajuk 3.7), “Standardizing A Normal Distribution” (Sub-Tajuk 4.6) dan “Sample Size Determination for the Estimation of Proportion” (Sub-Tajuk 6.5) (Rujuk Jadual 8).

Jadual 7: Skor Purata Kesukaran Bagi Keseluruhan Tajuk

Tajuk	Min	Tahap Kesukaran
Chapter 1: Data Description and Numerical Measures	2.42	Sederhana
Chapter 2: Probability	3.63	Sederhana
Chapter 3: Discrete Random Variables	3.43	Sederhana
Chapter 4: Continuous Random Variables	3.23	Sederhana
Chapter 5: Sampling Distributions	2.67	Sederhana
Chapter 6: Estimation	4.00	Tinggi
Chapter 7: Hypothesis Testing	3.17	Sederhana
Chapter 8: Simple Linear Regression and Correlation	2.51	Sederhana
Keseluruhan	3.13	Sederhana

Jadual 1: Ringkasan Min Bagi Kesukaran Sub-Tajuk

Sub-Tajuk	Min	Tahap Kesukaran
3.5: Binomial Probability Distribution	4.00	Tinggi
4.6: Standardizing A Normal Distribution	4.00	Tinggi
3.6: Poisson Probability Distribution	4.34	Tinggi
2.8: Bayes Theorem	4.34	Tinggi
3.7: Hypergeometric Probability Distribution	4.67	Tinggi
6.5: Sample Size Determination for the Estimation of Proportion	4.67	Tinggi

Terdapat dua sub-tajuk yang berada pada tahap paling tinggi iaitu sub-tajuk “Hypergeometric Probability Distribution” dan sub-tajuk “Sample Size Determination for the Estimation of Proportion”.

Bagi menjawab persoalan kajian yang kedua, soalan berbentuk terbuka pertama telah dianalisis. Para pensyarah yang terlibat bersetuju bahawa terdapat keperluan untuk menggunakan aplikasi visual dalam kursus statistik asas. Antara kelebihan yang ditekankan dalam menggunakan aplikasi visual tersebut adalah kerana pelajar zaman ini lebih banyak menggunakan teknologi dalam pembelajaran maka kaedah tersebut akan lebih dekat dengan jiwa pelajar.

“Ya, bagi memudahkan pelajar memahami asas statistik.” (P1)

“Perlu kerana kursus ini sangat membantu pelajar untuk memahami ilmu yang lain yang menggunakan ilmu statistik sebagai asas kefahaman.” (P2)

“... ini perlu dibentuk dan dibangunkan supaya dapat meningkatkan kefahaman pelajar terhadap apa yang dipelajari melalui kaedah yang lebih santai dan lebih dekat dengan jiwa pelajar masa kini yang lebih banyak menggunakan teknologi (ICT) dalam pembelajaran.”(P3)

KESIMPULAN

Hasil pemerhatian berdasarkan pernyataan masalah yang diutarakan, pensyarah terlibat bersetuju bahawa terdapat ruang bagi meningkatkan tahap kefahaman pelajar yang mengambil kursus statistik asas melalui penggunaan aplikasi visual. Malahan, kesemua pensyarah bersetuju bahawa penggunaan aplikasi visual seperti sistem berasaskan Web sebagai alat bantuan atau rujukan tambahan dapat membantu pelajar dalam proses pembelajaran mereka.

Bagi membina aplikasi visual yang sesuai, terdapat keperluan untuk mengenalpasti kerangka konsep (*conceptual framework*) dan/atau kerangka teori (*theoretical framework*) yang bersesuaian. Kajian lanjutan boleh memberi penjelasan mendalam bagi keperluan ini. Selain itu, hasil kajian ini boleh dikembangkan dengan penambahan sampel pensyarah yang dari pelbagai institusi yang terlibat dalam PdP subjek statistik asas. Selain sampel pensyarah, kajian lanjut turut perlu melibatkan perspektif pelajar terutamanya dari aspek kesediaan dan keperluan mereka dalam menggunakan aplikasi visual.

RUJUKAN

Abdul Rahman, M. H. (2000). *Media Pengajaran: Penghasilan Bahan Pengajaran Berkesan*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.

Ab Rahman, N. F., Kasbun, R., Khalid, N., Aziz, S. A., & Mohamed, N. H. (2017). Penggunaan aplikasi visual dalam pembelajaran konsep dan asas pengaturcaraan. In *National Pre University Seminar (NpreUS2017)*.

Al-Mashaqbeh, I., & Al Dweri, A. (2014). Educational math game software: A supporting tool for first grade students' achievement. *representations*, 5(5).

Beremlijski, P., Vondráková, P., & Mařík, R. (2019). Math4S—Educational software Math for Student. In *INTED2019 Proceedings* (pp. 5685-5690). IATED.

Bravo, E., Amante, B., Simo, P., Enache M. & Fernandez, V. (2011). Video as a new teaching tool to increase student motivation. *IEEE Global Engineering Education Conference (EDUCON)*, pp. 638-642.

Chan, S. W., & Zaleha, I. (2012). The role of information technology in developing students' statistical reasoning. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 46, 3660–3664.

Jia Ling, T., & Mohd Matore, M. E. @ E. (2021). The use of information and communication technology in the teaching and learning of mathematics: A systematic literature review. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 11(1), 45-59. doi:10.37134/jpsmm.vol11.1.5.2021

Gani, M.F. (2018). The Effectiveness of High Level Thinking Skills Students in Mathematics through the Methods of Learning Outside the Classroom. *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural Sciences*, 10(1): 80-90

Moneva, D. J. C., & Valle, A. F. S. (2020). Difficulty in Mathematics: Close Assistance and Self-Confidence. *Journal of Studies in Education*, 10(1), 117.

Raiyn, J. J. J. O. E. & Practice. (2016). The Role of Visual Learning in Improving Students' High-Order Thinking Skills. *Journal of Education and Practice*. 7(24):115-121

Norabiatul, A. A. W., Suzieleez, S. A. R., & Sharifah, N. A. S. Z. (2019). Proses penaakulan graf statistik bakal guru matematik sekolah rendah: Satu kajian kes. Dimuat turun daripada https://www.researchgate.net/publication/337703755_Proses_Penaakulan_Graf_Statistik_Bakal_Guru_Matematik_Sekolah_RendahSatu_Kajian_Kes

Rutherford, T., Farkas, G., Duncan, G., Burchinal, M., Kibrick, M., Graham, J., ... & Martinez, M. E. (2014). A randomized trial of an elementary school mathematics software intervention: Spatial-temporal math. *Journal of Research on Educational Effectiveness*, 7(4), 358-383.

Shabiralyani, G., Hasan, K. S., Hamad, N. & Iqbal, N. (2015). Impact of Visual Aids in Enhancing the Learning Process Case Research: District Dera Ghazi Khan. *Journal of Education and Practice*. 6(19): 226-234.

Salleh, S. M., Shukur, Z., & Judi, H. M. (2013). Analysis of research in programming teaching tools: An initial review. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 103, 127-135.

Yilmaz, B. (2017). *Effects of adaptive learning technologies on math achievement: A quantitative study of ALEKS math software*. University of Missouri-Kansas City.

Zaharin, F. Z., Abd Karim, N. S., Adenan, N. H., Md Junus, N. W., Tarmizi, R. A., Abd Hamid, N. Z., & Abd Latib, L. (2021). Gamification in mathematics: Students' perceptions in learning perimeter and area. *Jurnal Pendidikan Sains Dan Matematik Malaysia*, 11, 72-80. doi:10.37134/jpsmm.vol11.sp.7.2021

PEMPENGARUH AGAMA MEDIA SOSIAL DALAM PANDANGAN MAHASISWA MATRIKULASI UIS: TINJAUAN DAN ANALISIS

Muhamad Hilmee bin Izanee¹

¹*Universiti Islam Selangor,*

*emel pengarang: *hilmee@uis.edu.my*

Abstrak: Pempengaruh adalah istilah yang muncul kini yang melambang seorang personaliti media sosial yang mempunyai pengaruh dan pengikut yang ramai. Dalam setiap bidang ada pempengaruh yang menjadi idola masyarakat termasuk bidang agama. Kajian ini akan meninjau penggunaan media sosial dalam kalangan mahasiswa matrikulasi UIS dari aspek kehidupan seharian, amalan beragama dan pempengaruh agama yang menjadi ikutan. Metodologi yang digunakan untuk pemilihan sampel adalah kaedah persampelan mudah lalu data yang terkumpul dianalisis menggunakan kaedah kuantitatif. Analisis kandungan turut digunakan bagi mengenal pasti data yang terkumpul. Kajian mendapati kecenderungan yang tinggi dalam kalangan responden dalam penggunaan media sosial bagi tujuan amalan beragama.

Kata Kunci/Keywords: Media Sosial: Pempengaruh Agama: Mahasiswa Matrikulasi UIS

1. PENGENALAN

Teknologi Moden banyak memberikan kemudahan dalam kehidupan. Kehidupan beragama turut mendapat manfaat daripada kemajuan tersebut dalam pelbagai aspek. Kebanjiran maklumat ini membawa kepada kemunculan pempengaruh dalam menyebarkan maklumat tersebut dalam industri dan bidang masing-masing. Kajian ini akan meneroka peranan pempengaruh dalam bidang agama terhadap mahasiswa matrikulasi di Universiti Islam Selangor

2. PERSOALAN

Kajian ini menyenaraikan beberapa persoalan bagi mencapai dapatan kajian :

1. Apakah kekerapan penggunaan teknologi berkaitan agama dalam kalangan mahasiswa matrikulasi UIS?
2. Siapakah tokoh pempengaruh yang dikenali oleh mahasiswa matrikulasi UIS?
3. Apakah aspek tarikan tokoh pempengaruh yang dikenali oleh mahasiswa matrikulasi UIS?

3. OBJEKTIF

Kajian ini menyenaraikan beberapa objektif bagi menjawab persoalan kajian:

1. Kenal pasti kekerapan penggunaan teknologi berkaitan agama dalam kalangan mahasiswa matrikulasi UIS.
2. Kenal pasti tokoh berpengaruh yang dikenali oleh mahasiswa matrikulasi UIS.
3. Kenal pasti aspek tarikan tokoh berpengaruh yang dikenali oleh mahasiswa matrikulasi UIS. E-

4. LITERATUR

Kajian berkaitan penggunaan teknologi terhadap mahasiswa dan remaja kerap dijalankan dan mendapati beberapa penemuan yang positif mahupun negatif.

Kajian (Nor Azery Bin Masrom et al., 2023) meneroka pengaruh Youtube terhadap Pelajar Fakulti Quran dan Sunnah USIM dalam pengajian agama dan mendapati kesan yang positif daripada kajian tersebut. Youtube bukan sahaja menyediakan video bersifat hiburan semata tetapi turut menyediakan pelbagai info dan maklumat berkaitan agama dalam pelbagai cabang ilmu.

Selain Youtube, Tiktok juga merupakan suatu medium yang semakin popular dan kerap digunakan oleh golongan muda bahkan dalam perkongsian agama. Kajian Fatin Nor Aqilah Binti Mohd Norroe, (2023) meneroka kandungan Hadis Qudsi yang dikongsikan dalam medium tiktok. (Nuhaza, 2024) turut menceritakan kebaikan aplikasi Tiktok yang digunakan sebagai medium mempromosikan moderasi beragama di Indonesia.

Instagram turut menjadi salah satu medium pilihan pengguna dalam penyebaran agama. Pratama, (2024) melakukan pemerhatian dan analisis dalam kajiannya yang meninjau kekerapan penulisan yang berunsurkan agama oleh sebuah akaun berimej Islam dalam aplikasi Instagram.

5. METODOLOGI

Bagi tujuan pengumpulan dan analisis data, pengkaji telah menjalankan metodologi berikut:

5.1 Persampelan Mudah

Responden dalam kalangan mahasiswa dipilih menggunakan kaedah persampelan mudah. Sampel keseluruhan adalah mahasiswa matrikulasi UIS tetapi pengkaji memilih.

Menurut (Courtenay, 1978), sesebuah analisis di dalam kajian rintis memerlukan responden seramai tiga puluh sehingga seratus orang sampel responden. Oleh itu, bagi soal selidik di dalam fasa pertama, sasaran bilangan responden adalah di antara tiga puluh sehingga seratus orang.

Kategori	Spesifikasi
Populasi Sasaran	Mahasiswa Matrikulasi UIS
Populasi Capaian	Mahasiswa Matrikulasi UIS sesi semester semasa
Sampel	139 orang Mahasiswa menggunakan kaedah persampelan mudah

5.2 Soal Selidik

Bagi mengedarkan set soalan soal selidik pengkaji telah menggunakan perisian Google Form dan diedarkan kepada responden. Bagi maklumat demografi, nilai frekuensi diambil kira dan dipersembahkan dalam bentuk carta dan graf.

5.3 Analisis Kandungan

Kandungan berkaitan tokoh agama yang berkaitan ditinjau kemudian dianalisis dengan pemerhatian tidak berstruktur yang menggunakan catatan lapangan yang akan dianalisis dengan mempersembhkannya dalam bentuk naratif dengan cara memerihalkan semula apa yang terdapat pada catatan.

5.4 Analisis Data Kuantitatif

Data yang terkumpul dianalisis menggunakan perisian sumber terbuka PSPP bagi menganalisa jawapan-jawapan kepada soalan-soalan untuk setiap konstruk, nilai statistik yang diambil kira adalah nilai min dan sisihan piawai. Ini adalah bertujuan mengukur kecenderungan jawapan responden kepada soalan-soalan tersebut.

6. DAPATAN DAN PERBINCANGAN

Tinjauan dijalankan terhadap 139 orang mahasiswa dan mendapati beberapa penemuan berikut:

6.1 Demografi

6.1.1 Jantina

- i. Lelaki: 46 orang (33.1%)

- ii. Perempuan: 93 orang (66.9%)

6.1.2 Agama:

- i. Islam: 136 orang (97.8%)
- ii. Lain-lain: 3 orang (2.2%)


6.2 Konstruk

Responden ditanya perkara-perkara berikut:

6.2.1 Teknologi

Apakah laman web pilihan untuk mencari jawapan kepada persoalan anda?

- i. Facebook: 1
- ii. Instagram: 4
- iii. Tiktok: 34
- iv. Youtube: 35
- v. Twitter: 9
- vi. Google: 55
- vii. Safari: 11
- viii. Chat gpt: 3



6.2.2 Tokoh Pempengaruh

Responden ditanya berkenaan tokoh agama yang berpengaruh terhadap mereka. Berikut adalah dapatan soal selidik.

Nama Tokoh	Kekerapan
Azhar Idrus	54
Don Daniyal	1

Mohd Asri Zainal Abidin	1
Zulkifli al-Bakri	7
Mufti Menk	1
Wadi Annuar	23
Kazim Elias	4
Habib Ali	1
Adi Hidayat	5
Zakir Naik	4
Adnin Roslan / Ust Backflip	14
Sheikh Fuad Kamaludin	1
Abd Somad	6
Asma Harun	2

6.3 Perbincangan

Hasil dapatan soal selidik menunjukkan senarai nama tokoh-tokoh agama yang dikenali responden dalam media sosial yang dianggap memberi pengaruh kepada mereka. Senarai tertinggi diungguli oleh Ustaz Azhar Idrus dengan kekerapan 54, kemudian ustaz Wadi Annuar dengan kekerapan 23 dan ketiga Ustaz Adnin Roslan 14 kali. Kesemua tokoh yang dipilih amat bergiat aktif dengan dakwah dalam alam maya seperti Facebook, Instagram, Tiktok dan lain-lain.

Ketiga-tiga orang tokoh ini kemudian dilakukan pemerhatian dan dianalisis bagi mengenal pasti kriteria yang dimiliki oleh tokoh-tokoh tersebut yang menyebabkan mereka menonjol berbanding tokoh-tokoh yang lain.

6.3.1 Ustaz Azhar Idrus

Seorang tokoh yang pernah menggegarkan dunia dakwah suatu Ketika dahulu dan masih kekal relevan sehingga hari ini kerana keunikan beliau dalam menyampaikan dakwah dan menyantuni pendengar.

Kajian Osman & Ikhwan Fazli, (2021) meneliti ketokohan yang dimiliki ustaz Azhar Idrus dan menyenaraikan beberapa kelebihan yang beliau miliki. Sebagai permulaan, ustaz Azhar Idrus memiliki latar belakang pengetahuan agama yang sangat luas dan merangkumi pelbagai bidang agama seperti Tafsir, Fiqh dan Hadis.

Ustaz Azhar Idrus sangat digemari ramai khususnya golongan muda kerana pendekatannya yang santai dan humoris. Ceramah

beliau sangat bermanfaat kerana kerap diisi sesi soal jawab yang diselit dengan gurauan dan jenaka.

6.3.2 Ustaz Wadi Annuar

Ustaz Wadi digemari kerana beliau sering menyampaikan pengajaran dalam bentuk penceritaan. Beliau juga mempunyai penyampaian dengan suara dan bahasa yang jelas yang mudah difahami oleh pendengar (Mohd Nazri Nurul Hanis, 2022).

6.3.3 Ustaz Adnin Roslan/Ustaz Backflip

Ustaz muda yang sangat diminati golongan muda remaja kerana beberapa personaliti menarik yang beliau miliki. Ustaz Adnin terkenal dengan gelaran ‘Ustaz Backflip’ kerana kebolehannya untuk melakukan lompatan balik kebelakang yang sememangnya diminati anak-anak muda. Beliau juga memiliki bakat yang hebat dalam menyanyi dan menyusun lagu-lagu dakwah yang dekat di hati anak-anak muda. Selain itu beliau amat aktif menjawab persoalan anak-anak muda di media sosial khususnya dalam aplikasi tiktok. (Asnorul Aishah Mosman & Fatini Mawaddah Darmadi, 2022).

7. KESIMPULAN

Kajian merumuskan beberapa perkara penting daripada data yang dikumpul dan dianalisis. Golongan muda masih ramai yang berminat dengan agama dan tokoh-tokoh agama. Namun begitu pendekatan konvensional dan klasik dilihat kurang mendapat perhatian sebaliknya kaedah yang lebih santai dan moden perlu diperluaskan penggunaannya. Aplikasi media sosial berpotensi dijadikan medium dakwah oleh para pendakwah masa kini dan seharusnya digunakan dengan optimum. Menjadi suatu kerugian sekiranya seorang tokoh agama yang mempunyai pengetahuan yang luas dan kemahiran dalam menyampaikan ilmu agama tetapi tidak diketahui ramai kerana keberadaannya tidak ada dalam media sosial terkini.

8. RUJUKAN

- Asnorul Aishah Mosman, & Fatini Mawaddah Darmadi. (2022). Ketokohan Ustaz Ahmad Adnin Bin Roslan Dalam Bidang Dakwah. *Seminar Tokoh Kepimpinan Nusantara 2022*.
- Courtenay, G. (1978). Questionnaire Construction. In *Survey Research Practice*. Heinemann Educational Books:
- Fatin Nor Aqilah Binti Mohd Norroe, `Ainul Mardhiah Binti Khairul Azhar, Nurul Nabilla Natasha Binti Abdullah, Syed Najihuddin bin Syed Hassan. (2023). Analisis Penyebaran Hadis-Hadis Qudsi di Tiktok. *Jurnal Penyelidikan Islam Dan Kontemporari (JOIRC)*, 6(11).
- Mohd Nazri Nurul Hanis, I. A. I. (2022). Variasi bahasa dan retorik dalam ceramah Ustaz Wadi Annuar. *International Young Scholars Journal of Languages*, 5(2).
- Nor Azery Bin Masrom, M., Bakri Bin Abdul Manaf, M., Najmi Bin Samsul Rafzi, I., & Najihuddin bin Syed Hassan, S. (2023). Keberkesanan Aplikasi Youtube Terhadap Pengajian Agama Dalam Kalangan Pelajar Fakulti Quran Dan Sunnah USIM. *Prosiding Konvensyen Kearifan Nusantara Ke-IV*.
- Nuhaza, I. (2024). *Pentingnya Moderasi Beragama dalam Mempromosikan Toleransi Melalui Tiktok di Indonesia*.
<https://www.researchgate.net/publication/381321183>
- Osman, K., & Ikhwan Fazli, F. (2021). *Ketokohan Ustaz Azhar Idrus Dalam Bidang Dakwah*. <https://www.researchgate.net/publication/353555088>
- Pratama, G. D. (2024). Analisis Isi Pesan Islam Politik Dalam Media Sosial Instagram @follback.dakwah Tahun 2019-2022. *Jurnal Studi Inovasi*, 4(3). <https://doi.org/10.52000/jsi.v4i3.172>

MOTIVASI PELAJAR TERHADAP KEINGINAN MELANJUTKAN PENGAJIAN DI PERINGKAT UNIVERSITI: KAJIAN LEPAS

Nurul Nadirah Zakaria

Universiti Islam Selangor (UIS)

*emel pengarang: *nurulnadirah@uis.edu.my*

Abstrak: Kajian ini meneliti motivasi pelajar terhadap keinginan melanjutkan pengajian di peringkat universiti dengan merujuk kepada pelbagai kajian lepas. Pendidikan tinggi merupakan asas penting dalam pembangunan individu yang kompeten dan berdaya saing dalam pasaran kerja. Oleh itu, memahami faktor-faktor yang mendorong pelajar untuk melanjutkan pengajian adalah penting bagi membentuk strategi pendidikan yang lebih berkesan. Hasil daripada analisis literatur menunjukkan bahawa terdapat beberapa faktor utama yang mempengaruhi motivasi pelajar, termasuk aspirasi profesional, sokongan keluarga, persekitaran sekolah, dan pengaruh rakan sebaya. Aspirasi profesional, seperti keinginan untuk mencapai kerjaya yang berjaya dan berpendapatan tinggi, dikenalpasti sebagai pendorong utama bagi ramai pelajar. Sokongan keluarga juga memainkan peranan penting, di mana ibu bapa yang berpendidikan tinggi dan memberi dorongan kuat dapat meningkatkan keyakinan dan keinginan pelajar untuk melanjutkan pengajian. Selain itu, persekitaran sekolah yang positif dan berkualiti, termasuk program bimbingan dan kaunseling yang berkesan, turut menyumbang kepada peningkatan motivasi pelajar. Pengaruh rakan sebaya juga didapati mempunyai impak yang signifikan, di mana pelajar yang dikelilingi oleh rakan-rakan yang bercita-cita tinggi lebih cenderung untuk mempunyai keinginan yang sama. Kesimpulannya, kajian ini menekankan kepentingan pendekatan holistik dalam meningkatkan motivasi pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat universiti. Dengan memberi tumpuan kepada faktor-faktor motivasi yang dikenal pasti dan melaksanakan strategi sokongan yang berkesan, pihak sekolah, keluarga, dan komuniti dapat bekerjasama untuk memastikan lebih ramai pelajar mencapai potensi penuh mereka dalam pendidikan tinggi.

Kata Kunci/Keywords: Motivasi Pelajar, Aspirasi Profesional, Sokongan Keluarga, Persekitaran Sekolah, Rakan Sebaya

1. PENDAHULUAN

Pendidikan merupakan asas utama dalam pembentukan masyarakat yang maju dan berdaya saing. Peringkat pendidikan universiti memainkan peranan penting dalam menyediakan individu dengan pengetahuan, kemahiran, dan nilai-nilai yang diperlukan untuk berjaya dalam kehidupan profesional dan peribadi. Oleh itu, memahami motivasi pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat universiti adalah penting bagi memastikan lebih ramai pelajar mencapai potensi penuh mereka. Kajian menunjukkan bahawa pelbagai faktor seperti minat akademik, peluang kerjaya, serta sokongan keluarga dan rakan sebaya memainkan peranan yang signifikan dalam keputusan pelajar untuk melanjutkan pengajian (Rahman & Ismail, 2021; Tan & Zain, 2020).

Faktor-faktor ini mempengaruhi bukan sahaja keputusan untuk menyambung pengajian, tetapi juga kejayaan akademik dan kebolehan pelajar untuk menyesuaikan diri dalam persekitaran universiti yang dinamik (Abdullah, 2019). Tambahan pula, motivasi dalaman seperti minat yang mendalam dalam bidang tertentu dan keinginan untuk pembangunan peribadi turut dikenal pasti sebagai pendorong utama yang mendorong pelajar untuk mengejar pendidikan tinggi (Hassan & Nor, 2022).

Menurut satu laporan akhbar tempatan, semakin ramai pelajar kini memilih untuk melanjutkan pengajian ke peringkat universiti, dipengaruhi oleh faktor-faktor seperti kebimbangan terhadap prospek kerjaya dan keperluan untuk meningkatkan kelayakan dalam pasaran kerja yang semakin kompetitif (Zamri, 2024). Berita ini juga menekankan bahawa sokongan yang kuat dari keluarga dan komuniti adalah penting untuk kejayaan pelajar dalam pendidikan tinggi. Selain itu, laporan akhbar tempatan (Hameed, 2023) menekankan pentingnya mendorong anak muda untuk melanjutkan pengajian selepas Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) demi masa depan yang lebih cerah.

Walaupun ekonomi gig menawarkan pendapatan lumayan dalam jangka pendek, ia tidak seharusnya menjadi penghalang kepada pendidikan yang lebih tinggi. Sekitar 300,000 lepasan SPM setiap tahun tidak melanjutkan pengajian, yang boleh menyebabkan mereka terlepas peluang menjadi tenaga mahir atau professional (Hameed, 2023). Berita ini juga menggesa kerajaan untuk mengkaji sebab-sebab di sebalik keputusan ini dan menekankan peranan penting ibu bapa dalam membimbing dan memotivasi anak-anak mereka untuk meneruskan pelajaran ke tahap lebih tinggi.

Ekonomi gig merujuk kepada sistem ekonomi di mana pekerjaan atau perkhidmatan dilakukan secara sementara, freelance, atau kontrak jangka pendek, berbanding pekerjaan tetap tradisional. Dalam ekonomi ini, individu (gig workers) bekerja secara bebas dan tidak terikat dengan satu majikan. Mereka

sering mengambil pekerjaan sementara melalui platform digital atau aplikasi seperti Grab, Uber, atau platform freelance seperti Upwork dan Fiverr (Jamaludin, 2021; Rahman & Aziz, 2022). Fleksibiliti yang ditawarkan kepada pekerja dalam ekonomi gig menjadi salah satu daya tarik utamanya. Namun, ia juga dikritik kerana kurangnya kestabilan pekerjaan, jaminan kesihatan, dan manfaat lain yang biasanya disediakan dalam pekerjaan tetap (Sulaiman, 2020; Ahmad, 2021).

2. KAEDAH KAJIAN

2.1 Kajian Literatur

Definisi: Kajian ini adalah kajian literatur yang meneliti dan menganalisis pelbagai kajian lepas mengenai motivasi pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat universiti.

Proses: Pengarang meneliti artikel-artikel akademik, laporan, dan kajian terdahulu yang relevan untuk mengumpulkan data dan maklumat berkaitan.

Sumber: Artikel jurnal, laporan penyelidikan, kajian kes, dan sumber-sumber lain yang berkaitan dengan topik kajian.

2.2 Analisis Data Kualitatif

Definisi: Kajian ini menganalisis data kualitatif daripada kajian lepas untuk mengidentifikasi tema dan pola yang berkaitan dengan motivasi pelajar.

Proses: Data yang dikumpulkan dianalisis secara tematik untuk mengenal pasti faktor-faktor utama yang mempengaruhi motivasi pelajar.

Sumber Data: Ulasan literatur, penemuan kajian terdahulu, dan kes-kes yang dibincangkan dalam artikel yang dikaji.

2.3 Pengumpulan dan Penilaian Kajian Lepas

Definisi: Kajian ini merangkum dan menilai hasil daripada pelbagai kajian lepas untuk membentuk gambaran menyeluruh tentang motivasi pelajar.

Proses: Kajian ini melibatkan penilaian kesesuaian, kualiti, dan hasil kajian yang relevan dengan topik, termasuk aspek-aspek seperti aspirasi profesional, sokongan keluarga, persekitaran sekolah, dan pengaruh rakan sebaya.

Sumber Data: Rujukan dari kajian lepas yang berbeza-beza mengenai motivasi pelajar.

2.4 Kesimpulan dan Cadangan

Definisi: Berdasarkan hasil analisis literatur, kajian ini merumuskan kesimpulan dan memberikan cadangan untuk strategi yang boleh meningkatkan motivasi pelajar.

Proses: Mengintegrasikan hasil-hasil kajian untuk memberikan pandangan yang menyeluruh dan mencadangkan langkah-langkah praktikal untuk meningkatkan motivasi pelajar.

Output: Kesimpulan kajian dan cadangan strategi berdasarkan analisis data yang dikumpulkan.

Kaedah ini memberi fokus kepada pengumpulan dan penilaian data kualitatif dari kajian lepas untuk memahami motivasi pelajar dan menyediakan cadangan berdasarkan penemuan yang diperoleh.

3. KAJIAN LEPAS: MOTIVASI PELAJAR

Pelbagai kajian lepas telah meneliti faktor-faktor yang mempengaruhi motivasi pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat universiti. Antara faktor utama yang dikenal pasti termasuk:

3.1 Aspirasi Profesional

Pelajar sering dipandu oleh cita-cita profesional mereka. Keinginan untuk mencapai kerjaya yang berjaya dan berpendapatan tinggi mendorong pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat universiti. Dalam kajian oleh Zainal Abidin (2018), didapati bahawa 70% pelajar menyatakan bahawa aspirasi kerjaya adalah motivasi utama mereka untuk melanjutkan pengajian. Selain itu, kajian oleh Ismail dan Ahmad (2020) menunjukkan bahawa aspirasi profesional bukan sahaja mempengaruhi keputusan pelajar untuk melanjutkan pengajian tetapi juga mempengaruhi pilihan bidang pengajian yang mereka pilih di peringkat universiti. Mereka menambah bahawa pelajar yang mempunyai matlamat kerjaya yang jelas lebih cenderung untuk mengambil kursus-kursus yang sesuai dengan cita-cita mereka dan berusaha lebih gigih untuk mencapai kejayaan akademik.

Kajian oleh Hassan dan Zulkifli (2021) pula menekankan bahawa sokongan dari pihak keluarga dan rakan-rakan juga memainkan peranan penting dalam membentuk dan memotivasi aspirasi profesional pelajar. Sokongan tersebut membantu pelajar untuk menetapkan matlamat yang realistik dan menyediakan mereka dengan dorongan yang diperlukan untuk menghadapi cabaran dalam perjalanan pendidikan mereka.

3.2 Pengaruh Keluarga

Sokongan dan dorongan daripada keluarga juga memainkan peranan penting. Ibu bapa yang berpendidikan tinggi dan mempunyai jangkauan tinggi terhadap anak-anak mereka biasanya memberikan sokongan yang kuat. Menurut kajian oleh Norazila dan Rahim (2019), sokongan keluarga meningkatkan keyakinan pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Kajian oleh Latif dan Ibrahim (2020) mendapati bahawa keterlibatan aktif ibu bapa dalam proses pendidikan anak mereka, termasuk membantu dengan kerja sekolah dan

memberikan nasihat tentang pilihan pengajian, turut meningkatkan motivasi pelajar untuk mencapai kejayaan akademik.

Selain itu, kajian oleh Azman dan Shahril (2021) menunjukkan bahawa faktor sokongan keluarga tidak hanya merangkumi sokongan emosi tetapi juga sokongan material, seperti menyediakan kemudahan belajar di rumah dan pembiayaan pendidikan, yang secara keseluruhannya meningkatkan kemungkinan pelajar untuk terus melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi. Sokongan ini penting dalam memastikan pelajar tidak menghadapi halangan yang boleh menjejaskan kemajuan akademik mereka.

3.3 Persekitaran Sekolah

Kualiti pengajaran dan persekitaran pembelajaran yang positif di sekolah turut mempengaruhi motivasi pelajar. Sekolah yang menyediakan fasiliti yang baik, guru yang berkemahiran, dan program bimbingan yang komprehensif dapat meningkatkan minat pelajar untuk terus belajar di peringkat universiti (Mansor, 2019; Zahid & Rahman, 2021). Selain itu, suasana sekolah yang kondusif dan menyokong perkembangan pelajar dari segi akademik dan emosi juga memainkan peranan penting dalam membentuk sikap positif terhadap pembelajaran. Pelajar yang merasa dihargai dan disokong oleh guru dan rakan sekelas mereka cenderung untuk menunjukkan prestasi akademik yang lebih baik serta lebih bersemangat untuk melanjutkan pengajian ke tahap yang lebih tinggi (Hamid, 2020).

Tambahan pula, kehadiran program ko-kurikulum yang dinamik serta aktiviti yang membina dapat membantu pelajar mengembangkan kemahiran insaniah seperti kepimpinan, komunikasi, dan kerja berpasukan, yang semuanya penting untuk kejayaan di peringkat universiti dan seterusnya (Hassan & Mohd, 2022).

3.4 Rakan Sebaya

Pengaruh rakan sebaya juga tidak boleh diabaikan. Pelajar yang dikelilingi oleh rakan-rakan yang bercita-cita tinggi dan bersemangat untuk melanjutkan pengajian cenderung untuk mempunyai motivasi yang sama. Kajian oleh Latifah dan Siti Aishah (2017) menunjukkan bahawa 60% pelajar dipengaruhi oleh rakan sebaya mereka dalam membuat keputusan untuk melanjutkan pengajian. Selain itu, kajian oleh Faizah dan Jamaluddin (2019) mendapati bahawa interaksi positif dengan rakan sebaya yang mempunyai matlamat akademik yang sama dapat meningkatkan komitmen pelajar terhadap pendidikan mereka dan memotivasi mereka untuk mencapai kejayaan akademik.

Kajian oleh Nurul dan Hadi (2020) juga menekankan bahawa rakan sebaya boleh memberikan sokongan sosial dan emosi yang penting, yang membantu

pelajar untuk mengatasi cabaran dan stres yang berkaitan dengan pengajian mereka. Rakan sebaya yang berkongsi pengalaman dan memberikan dorongan boleh meningkatkan rasa tanggungjawab dan motivasi pelajar untuk meneruskan pengajian ke tahap yang lebih tinggi.

4. DAPATAN DAN IMPLIKASI KAJIAN

Beberapa kajian lepas memberikan gambaran yang mendalam tentang motivasi pelajar untuk melanjutkan pengajian ke peringkat universiti. Berikut adalah beberapa dapatan utama:

4.1 Kepentingan Program Bimbingan

Program bimbingan dan kaunseling di sekolah memainkan peranan penting dalam membantu pelajar memahami kepentingan melanjutkan pengajian. Program ini memberikan pelajar panduan mengenai pilihan kerjaya dan laluan pendidikan yang sesuai dengan minat dan kebolehan mereka. Kajian oleh Hamid dan Ahmad (2018) menunjukkan bahawa program bimbingan yang efektif dapat meningkatkan kesedaran pelajar tentang peluang pendidikan yang ada dan membantu mereka merancang langkah-langkah untuk mencapai matlamat pendidikan mereka.

Selain itu, kajian oleh Noraini dan Haslina (2020) mendapati bahawa pelajar yang terlibat dalam program bimbingan dan kaunseling cenderung mempunyai keputusan akademik yang lebih baik dan lebih bersemangat untuk melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi. Program ini juga memberikan sokongan emosi dan praktikal yang membantu pelajar mengatasi cabaran akademik dan peribadi mereka, serta membuat keputusan yang lebih baik mengenai kerjaya dan pendidikan masa depan mereka (Zulkifli & Azlan, 2021).

4.2 Peranan Ibu Bapa dalam Membentuk Aspirasi

